# قليتا بروني
# PELITA BRUNEI
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"TIADA Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Dialah yang menghidupkan dan yang mematikan, (Dialah) Tuhan kamu dan Tuhan bapa-bapa (dan datuk nenek) kamu yang dahulu kala".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Ad-Dukhan, ayat 8.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.41 | SUBUH 4.51 | SYURUK 6.08 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.11 | ASAR 3.23 | MAGHRIB 6.12 | ISYAK 7.21 | Daerah Belait ditambah 3 minit Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 70 BILANGAN 118 | 1 OKTOBER 2025 / 1447 ربيع الأخير 9 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA


دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik 79 *Tahun*


IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei


# WARGA PA PERLU PEKA TERHADAP CABARAN, TANGKAS MELAKSANAKAN TUGASAN

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-32, Tahun 2025. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

**BERAKAS**, Isnin, 29 September. - Seluruh penjawat awam diseru supaya memperkukuhkan lagi perpaduan dan berkhidmat dengan penuh dedikasi untuk rakyat dan negara, sesuai dengan sifat Perkhidmatan Awam (PA) sebagai tulang belakang bagi menjayakan segala rancangan untuk kesejahteraan rakyat dan kestabilan negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan seruan berkenaan pada Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-32, Tahun 2025 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa , Berakas.

Terdahulu dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga PA yang terus bertanggungjawab menyumbangkan bakti kepada bangsa dan negara.

>> Muka 3

# Berkenan hantar titah perutusan tahniah







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan Premier of the State Council, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Qiang.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 1 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan Premier of the State Council, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Qiang serta kerajaan dan rakyat Republik Rakyat China sempena dengan Ulang Tahun Ke-76 Pengasasan Republik Rakyat China.

# Berita Utama





PELANCONGAN perkukuh kerjasama serantau, kesalinghubungan antara rakyat **Muka 9**





AI bukan sekadar teknologi tetapi transformasi **Muka 13**





MEMUPUK persahabatan warga emas melalui program keagamaan **Muka 18**





RENCANA
SAYANGI golongan warga emas, pastikan kehidupan mereka sempurna **Muka 20**

# Guru tonggak utama di barisan hadapan pelaksanaan pendidikan

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillahirabbil 'Alamin,**
**Wassalatu Wassalamu 'Ala Ashrafil Anbiya Wal Mursalin,**
**Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**MENGADAP** Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan penuh hormat dan takzim Hamba Kebawah Duli Tuan Patik mewakili Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-35 Tahun 2025 dan semua warga guru, dengan penuh rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, sukacita merafakkan sembah menjunjung kasih di atas limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Tuan Patik berangkat bercemar duli ke Majlis Sambutan Hari Guru NBD Kali Ke-35 pada pagi ini; dan seterusnya berkenan untuk mengurniakan titah, menyempurnakan pengurniaan Anugerah-anugerah Hari Guru, berangkat menyaksikan pameran serta menerima junjung ziarah dari warga guru.

Keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke majlis ini amat besar maknanya dan mempamerkan keprihatinan yang mendalam Kebawah Duli Tuan Patik terhadap kebajikan serta kesejahteraan para guru. Ia juga menjadi sumber inspirasi dan penyuntik semangat untuk *abis* Hamba Kebawah Duli Tuan Patik terus berkhidmat dengan penuh dedikasi dan iltizam bagi menghasilkan generasi yang berpendidikan, berkemahiran dan berakhlak mulia serta mampu menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik sukacita menyembahkan bahawa Sambutan Hari Guru Kali Ke-35 pada tahun ini membawa tema 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi'. Tema ini menggambarkan peranan penting guru bukan sahaja sebagai penyampai ilmu tetapi juga sebagai *role model* dan ejen transformasi dalam memacu pendidikan kelestarian negara serta menyemai budaya inovasi secara menyeluruh baik dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, mahupun menerusi ekosistem pendidikan yang lebih meluas.

Alhamdulillah, pada menjunjung titah Kebawah Duli Tuan Patik mengenai kepentingan pelajar-pelajar menjadi warga digital yang bertanggungjawab dan beretika, semasa Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk NBD di United Kingdom dan Ireland Tahun 2024 dan seiring dengan tema Sambutan Hari Guru tahun ini, Kementerian Pendidikan telah menghasilkan sebuah Buku Panduan Generative AI untuk Pendidikan bagi memastikan penggunaan AI lebih beretika, bertanggungjawab serta memberi manfaat kepada semua peringkat tenaga pengajar dan pelajar.

Sejajar dengan inisiatif pendidikan kelestarian, Kementerian Pendidikan telah melancarkan Pelan Pendidikan Hijau (2025-2035) semasa Majlis Perasmian Persidangan Majlis Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara Kali Ke-53 tahun 2025 yang telah dipengerusikan oleh NBD. Pelan ini bertujuan untuk memperkukuh usaha Kementerian ke arah menerapkan nilai-nilai lestari dan amalan hijau dalam sektor pendidikan di samping menjadi panduan strategik dalam pengemaskinian kurikulum dan pelaksanaan kokurikulum di semua peringkat pendidikan. Usaha ini juga selaras dengan aspirasi Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim NBD (BNCCP) dan mendukung Matlamat Pembangunan Mampan Global (SDG).

Selain itu, di bawah inisiatif Pelan Transformasi Digital Kementerian Pendidikan, sebagai permulaan 17 buah bilik darjah pintar (*smart classroom*) telah disediakan. Dua di antaranya telah dilengkapi dengan teknologi digital berasaskan tenaga suria yang membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran lebih interaktif dan efisien melalui penggunaan teknologi, berkonsepkan bilik darjah pintar hijau.

Di peringkat pengajian tinggi pula, Universiti Teknologi Brunei (UTB) telah memasang sebanyak 236 panel solar dengan kapasiti 120kW di kampusnya, sementara Kampus Lumut Politeknik Brunei kini dalam proses meningkatkan kapasiti panel solar daripada 20kW kepada 120kW.

Pemilihan Tema Hari Guru tahun ini juga sangat bertepatan kerana Program Penilaian Pelajar Antarabangsa atau Programme for International Student Assessment (PISA) 2025 turut merangkumi aspek alam sekitar dan pembelajaran digital.

>> Muka 12



**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh semasa menyampaikan sembah alu-aluannya pada Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-35, Tahun 2025 yang diadakan pada Selasa, 23 September 2025 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| OKTOBER MASIHI | HARI | RABIULAKHIR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | RABU | 9 | 4.41 | 4.51 | 6.08 | 6.30 | 12.11 | 3.23 | 6.12 | 7.21 |
| 2 | KHAMIS | 10 | 4.41 | 4.51 | 6.08 | 6.30 | 12.11 | 3.23 | 6.12 | 7.21 |
| 3 | JUMAAT | 11 | 4.40 | 4.50 | 6.07 | 6.30 | 12.10 | 3.23 | 6.11 | 7.20 |
| 4 | SABTU | 12 | 4.40 | 4.50 | 6.07 | 6.29 | 12.10 | 3.23 | 6.11 | 7.20 |
| 5 | AHAD | 13 | 4.40 | 4.50 | 6.07 | 6.29 | 12.10 | 3.23 | 6.10 | 7.19 |
| 6 | ISNIN | 14 | 4.40 | 4.50 | 6.07 | 6.29 | 12.10 | 3.23 | 6.10 | 7.19 |
| 7 | SELASA | 15 | 4.39 | 4.49 | 6.07 | 6.29 | 12.09 | 3.23 | 6.10 | 7.19 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 24 °C | 32 25 °C | 31 24 °C |
| Pekan Bangar | 31 24 °C | 32 25 °C | 31 24 °C |
| Pekan Tutong | 31 24 °C | 32 25 °C | 31 24 °C |
| Kuala Belait | 31 24 °C | 32 25 °C | 31 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 1 OKTOBER 2025

### Kepentingan integriti di tempat kerja

**DALAM** kehidupan seharian dan tempat kerja, integriti memainkan peranan penting kerana ia bukan sahaja mencerminkan keperibadian seseorang malah mempengaruhi cara individu membuat keputusan, berinteraksi dengan orang lain dan membina reputasi.

Integriti merujuk kepada prinsip moral yang menekankan kejujuran dan ketelusan dalam setiap tindakan. Ia bukan sekadar berkata benar tetapi juga memastikan semua keputusan dan perlakuan mencerminkan nilai etika yang kukuh.

Integriti memainkan peranan penting dalam membentuk budaya kerja yang sihat dan produktif. Tanpa integriti, organisasi berisiko menghadapi pelbagai isu seperti ketidakpercayaan, salah laku dan kerugian reputasi.

Terdapat beberapa sebab utama mengapa integriti sangat penting di tempat kerja iaitu mewujudkan persekitaran kerja yang positif dan terbuka di mana integriti membantu membentuk budaya kerja yang selamat dan terbuka. Apabila semua pihak berpegang pada nilai ini, pekerja berasa bebas untuk berkomunikasi, berkongsi pandangan dan menyuarakan kebimbangan tanpa rasa takut atau tekanan.

Seterusnya, kepercayaan di mana ia merupakan asas kepada hubungan kerja yang berjaya. Dengan integriti, pekerja yakin majikan akan berlaku adil, manakala majikan pula yakin bahawa pekerja akan melaksanakan tanggungjawab mereka dengan penuh komitmen dan kejujuran.

Integriti memastikan keputusan dibuat berdasarkan prinsip keadilan dan etika. Ini mengelakkan berat sebelah, menjaga kepentingan semua pihak, dan memelihara kredibiliti organisasi dalam jangka masa panjang.

Amalan integriti mengurangkan risiko pelanggaran etika seperti rasuah, penipuan dan salah guna kuasa. Ini penting untuk melindungi reputasi organisasi serta memastikan operasi berjalan lancar dan berlandaskan undang-undang.

Syarikat yang mengutamakan integriti membina imej positif di mata pekerja dan pelanggan. Ini mendorong kesetiaan jangka panjang, meningkatkan penglibatan pekerja dan memperkukuhkan kedudukan organisasi dalam pasaran.

Amalan integriti di tempat kerja bukan hanya membentuk reputasi profesional, tetapi juga mewujudkan persekitaran yang sihat dan produktif. Bersikap terbuka terhadap pandangan berbeza menunjukkan rasa hormat dan menggalakkan komunikasi yang sihat. Ini membantu membina hubungan kerja yang lebih kuat dan saling mempercayai.

Integriti bukan sekadar prinsip asas di tempat kerja, malah merupakan pemangkin untuk mencapai kejayaan jangka panjang. Dengan menunjukkan kejujuran, ketelusan dan rasa tanggungjawab dalam setiap tindakan, awda mampu membina asas kukuh untuk pertumbuhan kerjaya. – **Ketua Penyuntingan (Zk)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتربيتكن اوله جابتن فنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# KEBAWAH DYMM MENERIMA MENGADAP





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Industri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Gan Kim Yong yang berlangsung di Istana Nurul Iman (atas dan kanan).**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 30 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Industri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Gan Kim Yong.

Majlis Mengadap berkenaan telah berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Ini merupakan lawatan pengenalan Tuan Yang Terutama ke Negara Brunei Darussalam (NBD) sejak pelantikannya selaku Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Industri pada 15 Mei 2024.

Dalam memperkukuh lagi hubungan ekonomi antara NBD dan Republik Singapura, lawatan berkenaan membuka peluang bagi kedua-dua buah negara untuk berbincang dan meneroka kerjasama dalam bidang perdagangan dan pelaburan bersama Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

NBD dan Republik Singapura mempunyai hubungan mesra dan akrab yang telah kian lama terjalin, didukung oleh kerjasama kukuh dalam beberapa bidang termasuk pertahanan, Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang, perdagangan dan pelaburan, pendidikan, kesihatan dan pertukaran antara rakyat.

Menyertai TYT ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Tuan Yang Terutama Laurence Bay; dan Ketua Pengarah (Asia, Timur Tengah dan Afrika), Kementerian Perdagangan dan Industri, Mr. Adrian Ng.

Juga hadir semasa Majlis Mengadap berkenaan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

# Warga PA perlu peka terhadap cabaran, tangkas melaksanakan tugasan

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin**

>> Muka 1

"Kita mengambil perhatian bahawa dunia adalah semakin cepat berubah sehingga apa yang kita ada sebelumnya mungkin tidak relevan lagi pada hari ini.

"Begitulah juga dengan cabaran ekonomi global, dengan mengambil kira perubahan iklim dan risiko kesihatan awam yang sukar diramal serta corak pekerjaan yang berubah akibat kemajuan teknologi.

Ini termasuklah demografi negara yang berubah, dengan penuaan penduduk dan aspirasi generasi muda yang semakin berbeza," titah baginda.

Justeru itu, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia lagi, PA perlu peka terhadap cabaran-cabaran ini dan mesti bersifat tangkas dalam mengemas kini dasar, proses dan perkhidmatan untuk masa depan.

Ketangkasan inilah tegas titah baginda, yang menentukan sama ada kita mampu merebut peluang di sebalik setiap cabaran.

Sesungguhnya dalam setiap ujian titah Kebawah DYMM lagi, Allah Subhanahu Wata'ala telah menyediakan peluang untuk kita dapat berkembang dan maju. Malah dalam setiap kesukaran pasti ada kemudahan menurut Al-Quran.

Kebawah DYMM selanjutnya bertitah di peringkat individu, setiap penjawat awam mesti tangkas dalam melaksanakan tugas dan juga perlu memahami objektif sebenar kita berkhidmat untuk bangsa dan negara. Kita tidak mahu sebarang kepincangan berlaku dalam PA negara.

"Kita mengakui bahawa apabila kerumitan menjadi realiti, tidak ada satu agensi pun yang mampu menyelesaikan cabaran secara bersendirian. Tiada agensi tunggal yang memonopoli pengetahuan atau kepakaran.

"Lalu dalam Islam, kita telah diajar untuk saling tolong-menolong dan bekerjasama. Sesungguhnya kerjasama itu adalah kunci utama untuk mencapai apa jua matlamat yang disasarkan," titah baginda.

Sehubungan itu, Kebawah DYMM gembira mengetahui adanya inisiatif 'Pemedulian' yang telah diperkenalkan dan baginda berharap inisiatif ini bukan setakat untuk mempercepatkan tindakan susulan terhadap aduan dan maklum balas rakyat, malah juga menjadi pemangkin kepada perubahan sikap dan minda dalam PA.

Warga PA, titah baginda lagi, juga perlu menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi, kerana pendekatan seperti ini sudah terbukti mempermudah kerja, dan seterusnya memberikan ruang kepada penjawat awam untuk memfokus tugas-tugas teras yang sangat perlu.

"Beta mahu, apa pun yang dilalui dalam PA akan dapat menjadi sandaran, bukan sahaja untuk memenuhi kehendak masa kini, malah juga sebagai asas menghadapi transformasi yang diperlukan dan sekali gus merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

"Oleh itu, beta penuh berharap Pameran dan Persidangan Khas PA Tahun 2025 akan mencetuskan wacana dan kefahaman lebih mendalam terhadap pembaharuan yang sedang rancak diteroka di peringkat serantau dan antarabangsa.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-32, Tahun 2025.**

"Inisiatif ini juga merupakan permulaan yang tepat pada masanya sebagai pemangkin kepada perubahan dan kecemerlangan PA," titah baginda lagi.

Mengakhiri titah, Kebawah DYMM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada para penerima anugerah pada tahun ini atas khidmat bakti mereka yang cemerlang. Semoga pencapaian ini akan menjadi inspirasi kepada semua untuk terus menyumbang jasa dengan ikhlas dan amanah.

PELITA BRUNEI

# BERANGKAT KE MAJLIS KEMUNCAK SAMBUTAN HPA KE-32

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit; Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin**






**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-32, Tahun 2025. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan atas kanan).**

**BERAKAS**, Isnin, 29 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-32 Tahun 2025.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Pengerusi - pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HPA Kali Ke-32, Tahun 2025.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah serta Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada Surah Ali-'Imran, ayat 102 hingga 104 yang dibacakan oleh Pegawai Pelajaran, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Rimba, Awang Haji Mohammad bin Ali, manakala kesimpulan ayat dibacakan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

>> Muka 5








**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan anugerah kepada para penerima (atas, kiri dan kiri sekali).**





**SEBAHAGIAN yang hadir pada Majlis Kemuncak Sambutan HPA Ke-32, Tahun 2025 (kanan), manakala gambar kanan sekali, antara yang menyertai persembahan.**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan ketika doa dibacakan (atas). Sementara gambar kanan, baginda berkenan menandatangani Lembaran Kenangan.**

>> Muka 4

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan mengurniakan titah dan mengurniakan Anugerah-anugerah Perkhidmatan Awam iaitu Sijil Pengiktirafan Program Penggredan Prestasi Sektor Awam melalui Penarafan Bintang (3PSA) kepada empat jabatan.

Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri diiktiraf mencapai empat bintang di tahap 'Sangat Baik'. Manakala Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mencapai tiga bintang di tahap 'Baik'.

3PSA merupakan sistem penilaian yang memberikan pengiktirafan atau penghargaan melalui penarafan bintang kepada agensi kerajaan yang telah berusaha memperkukuh akauntabiliti dan memupuk budaya penambahbaikan berterusan dalam prestasi organisasi.

Majlis seterusnya menyaksikan penganugerahan Anugerah Inovasi Perdana (AIP). Buat julung kalinya, Anugerah Emas dianugerahkan kepada Kumpulan Nextgen EdTech Team dari Pusat Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan dengan projek bertajuk 'E-RESOURCES 2.0, Transformasi Sumber Digital Pendidikan di Brunei Darussalam'.

Anugerah Perak pula dianugerahkan kepada Kumpulan iNOV8 dari Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Kebawah DYMM dengan projek bertajuk 'Sistem Pengurusan Digital (Sistem Aluan)'.

Sementara itu, Anugerah Gangsa dianugerahkan kepada Kumpulan MOE DevOps dari Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kementerian Pendidikan dengan projek bertajuk 'Electronic Application Service Ministry of Education - Majlis Bersama Rakyat'.

Ketiga - tiga kumpulan masing-masing menerima geran pembelajaran atau projek, sebuah piala dan sijil penghargaan. AIP merupakan anugerah yang mengiktiraf serta meraikan projek inovatif oleh individu atau kumpulan dalam perkhidmatan awam.

Pada majlis tahun ini, seramai 46 pegawai dan kakitangan kerajaan daripada 12 kementerian menerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) yang memberikan pengiktirafan kepada mereka yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang.

HPA merupakan acara tahunan sebagai wadah menghargai serta mengiktiraf jasa dan sumbangan pegawai serta kakitangan kerajaan dalam pembangunan negara.

>> Muka 6



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berbual mesra pada majlis berkenaan (atas dan kanan).**









**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah dan seterusnya beramah mesra (atas kiri dan atas). Manakala gambar kiri dan bawah, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan menadah tangan ketika Doa Selamat oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.**



PELITA BRUNEI




**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja dijunjung bagi sesi bergambar ramai.**

>> Muka 5

Sambutan tahun ini membawa tema 'Keberdayatahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam, Pemangkin Kesejahteraan Negara' yang menekankan kepentingan penjawat awam untuk memiliki tahap keberdayatahanan yang tinggi, proaktif, responsif, inovatif dan tangkas, serta memupuk perpaduan yang kukuh sesama warga Perkhidmatan Awam.

Transformasi digital dan inovasi sebagai pemangkin utama Perkhidmatan Awam yang cekap, telus dan berdayatahan merupakan aspirasi Kebawah DYMM.

Aspirasi ini diterjemahkan melalui tayangan video dan Pameran Khas HPA Kali Ke-32 Tahun 2025 bertemakan 'Transformasi Digital dan Inovasi Berasaskan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI)'.

Video berkenaan turut menampilkan perjalanan pembangunan perkhidmatan awam yang semakin berpaksikan teknologi, daripada penggunaan sistem digital harian hinggalah penerapan AI dalam menyokong pembuatan keputusan berasaskan data.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Selaras dengan tumpuan kepada transformasi digital, Kebawah DYMM kemudian berkenan berangkat menyaksikan Pameran Khas yang mengetengahkan evolusi program dan inisiatif agensi kerajaan dalam meningkatkan kecekapan, keterhubungan serta penyampaian perkhidmatan melalui transformasi digital termasuk penggunaan AI.

Sebelum berangkat balik, Kebawah DYMM dijunjung bagi sesi bergambar ramai sebelum menghadiri Majlis Santap.

Acara Sambutan HPA Tahun 2025 akan diteruskan dengan Persidangan Perkhidmatan Awam bertemakan 'Transformasi Digital dan Inovasi Berasaskan AI dalam Perkhidmatan Awam' pada 30 September 2025, bertempat di Dewan Teater, JPM.

# Transformasi digital Perkhidmatan Awam terus diperkasa



**SEKITAR Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-32 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit; Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin**

**BERAKAS**, Isnin, 29 September. - Keupayaan Sistem Sumber Manusia (SSM) terus mencatatkan perkembangan positif dan bakal dipertingkatkan lagi dengan pelancaran aplikasi mudah alih SSM, sekali gus memperkesankan proses berkaitan sumber manusia serta kebolehcapaian maklumat secara lebih lancar, intuitif dan berasaskan *real-time data*.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof menyembahkan demikian dalam sembah alu-aluan pada Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-32 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II menjelaskan, ekosistem sedia ada diharap dapat menjadi landasan kondusif bagi warga Perkhidmatan Awam (PA) meneroka teknologi baharu, khususnya Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI), di samping memperkasa inovasi digital.

Menurut Yang Berhormat, Institut Perkhidmatan Awam (IPA) giat menawarkan program latihan berkaitan ICT dan inovasi digital. Statistik menunjukkan jumlah program yang ditawarkan meningkat sebanyak 81 peratus, manakala penyertaan latihan dalam bidang inovasi dan ICT meningkat 45 peratus bagi tempoh Tahun Kewangan 2022/2023 hingga 2024/2025.

"Alhamdulillah, IPA baru-baru ini juga mencatat kejayaan bermakna dalam misinya menjadi Centre of Excellence dengan memperoleh dua pengiktirafan antarabangsa, iaitu ISO Quality Management System dan ISO Education Organisation Management System," sembah Yang Berhormat.

Tema sambutan tahun ini, 'Keberdayatahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam, Pemangkin Kesejahteraan Negara', ujar Yang Berhormat, terus mengingatkan warga PA tentang kepentingan membangun ketahanan, memperkukuh perpaduan serta memenuhi aspirasi masyarakat dalam mendepani cabaran semasa.

Dalam hal itu, nilai integriti juga terus diberikan penekanan sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu menegakkan tadbir urus beretika, berintegriti dan berakauntabiliti berpaksikan prinsip Perkhidmatan Awam Berpusatkan Rakyat.

Yang Berhormat dalam sembahnya menambah, tumpuan turut diberikan kepada pelaksanaan inisiatif pendigitalan PA secara lebih meluas. Perkhidmatan dalam talian kerajaan, katanya, telah menunjukkan peningkatan kepada 259 pada tahun 2024 berbanding 178 pada tahun sebelumnya.

Perkhidmatan tersebut kini boleh diakses melalui beberapa portal utama seperti e-Darussalam, *gov.bn* dan BusinessBN bagi memudahkan orang ramai serta pelbagai pihak berkepentingan.

Seiring dengan transformasi digital yang semakin pesat, Yang Berhormat menekankan perlunya peningkatan kerjasama dan sinergi kukuh antara PA dan semua pihak berkepentingan, termasuk memperkukuh proses konsultasi awam secara sistematik dan inklusif. Langkah ini, jelasnya, bertujuan memupuk budaya ketelusan, akauntabiliti dan penglibatan aktif rakyat dalam tadbir urus berorientasikan rakyat.

Bersempena sambutan tahun ini, turut diadakan Pameran Khas dan Persidangan PA 2025 bertemakan 'Transformasi Digital dan Inovasi Berasaskan AI dalam Perkhidmatan Awam'.

Pada akhir sembah, Yang Berhormat menyatakan harapan agar penganjuran Sambutan HPA kali ini menjadi platform memperluas perkongsian ilmu, memperkukuh jaringan strategik serta memberi pendedahan kepada pelbagai inovasi digital masa kini dan akan datang.



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dalam sembah alu-aluannya.**

# PAMERAN KHAS HPA KETENGAHKAN EVOLUSI PROGRAM, INISIATIF AGENSI KERAJAAN





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan berangkat menyaksikan Pameran Khas sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-32, Tahun 2025 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa (atas dan kanan).**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin**

**BERAKAS**, Isnin, 29 September. – Selaras dengan tumpuan kepada transformasi digital, Pameran Khas sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-32, Tahun 2025 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini mengetengahkan evolusi program - program dan inisiatif-inisiatif agensi-agensi kerajaan dalam meningkatkan kecekapan, keterhubungan dan penyampaian perkhidmatan melalui transformasi digital termasuk penggunaan Kecerdasan Buatan (AI).

Pada ruangan Centrepiece, pameran memaparkan titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Digital Brunei Transformation Plan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC).

Sementara itu, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info - komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) pula mengetengahkan mengenai Peraturan dan Akta berkaitan penggunaan AI.

Sementara di ruangan Panel Led, MTIC mempamerkan tayangan video memaparkan perjalanan transformasi digital dan inovasi Pendigitalan Kerajaan (Government Digitalisation) ke arah AI dalam Perkhidmatan Awam (PA).

Manakala, pada panel Jabatan Perdana Menteri (JPM) pula mengetengahkan sistem Pemedulian (Jabatan Perkhidmatan Pengurusan - MSD), E2RD (Jabatan Tenaga) dan USMS (Jabatan Perkhidmatan Elektrik - DES).

Pemedulian adalah sistem maklum balas orang ramai secara dalam talian yang menggantikan Kaji Selidik Tumpuan Pelanggan, manakala E2RD pula merupakan platform digital generasi baharu yang memodenkan kaedah pengumpulan, pengesahan dan pelaporan data tenaga serta pelepasan gas Rumah Hijau.

Sistem pendaftaran Haji secara dalam talian, iaitu Bruhaj dan Zakat Online pula antara yang dipamerkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Pameran berkenaan menampilkan perjalanan sebelum dan selepas transformasi pendaftaran haji yang sebelum ini proses adalah terhad dan hanya dibuka tiga bulan setahun dan kini Bruhaj beroperasi 24 jam setiap hari, membolehkan rakyat mendaftar dengan mudah pada bila-bila masa.

Manakala Zakat Online pula dibangunkan untuk menambah alternatif pembayaran zakat selain melalui kaunter amil, memudahkan umat Islam menunaikan kewajipan ini secara digital.

Juga dipamerkan ialah dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang mengetengahkan mengenai e-Stamping, iaitu satu modul yang diperkenalkan di dalam One Common Portal (OCP) pada 17 Disember 2022.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda semasa mendengarkan sembah penerangan daripada peserta pameran berkenaan.**

Manakala di ruangan pameran Kementerian Pembangunan mempamerkan mengenai IOT CORS (Continuously Operating Reference Station) Dashboard; Ejen AI Perintah Kanun Tanah (Pindaan) 2025, Pemantauan Rangkaian Perparitan dan Pembentungan Pintar (SMART Drainage & Sewerage Monitoring System) dan Mentransformasi Idea Menjadi Realiti : AI + Arkitektur (Transforming Ideas Into Reality: AI + Architecture).

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pula mengetengahkan mengenai Agriculture Information and Managament System (AIMS) yang menganalisis pengeluaran pertanian dan agrimakanan serta produk import; manakala Kementerian Pertahanan mempamerkan Network Accessible Web Helpdesk System (NAWHDS), iaitu sistem *help desk* berasaskan laman sesawang yang dibangunkan oleh JPPK.

Antara yang dipamerkan dari Kementerian Pendidikan pula ialah Smart Classroom dan Virtual, MOE Digital Hub dan Internet for Schools.

Juga menyertai pameran berkenaan ialah dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang mengetengahkan mengenai AI Animasi Budaya, AI Epigrafi dan Manuskrip, Kompleks Sukan 3D Interaktif, AI untuk Pretasi Atlet, Chatbot Sosial Pintar, Dashboard Dasar Belia Negara dan Strategi (DBNS), Dashboard Power BI Sistem Kebajikan Negara (SKN) dan G Youth Apps dengan AI.

Sementara itu, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pula mempamerkan mengenai Brunei ID, Border Management System (NLMS), dan e-Gate; manakala Kementerian Kesihatan mempamerkan mengenai aplikasi BruHealth serta demonstrasi Program Saringan Mata Kebangsaan menggunakan AI secara fizikal.





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menyaksikan pameran tersebut (kiri dan atas kiri).**

# BERANGKAT KE CERAMAH PERDANA MAJLIS ILMU



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Ceramah Perdana Majlis Ilmu Tahun 2025. Berangkat sama, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador - at - Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien (kanan dan kanan sekali).**



**BERAKAS**, Selasa, 30 September. - Ceramah Perdana Majlis Ilmu Tahun 2025 bersempena dengan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun telah diadakan hari ini di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berkenan berangkat ke Ceramah Perdana Majlis Ilmu tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador - at - Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2025 dan isteri-isteri serta Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2025.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Pelajaran Ugama Kanan, Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Datin Dr. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub.

Majlis diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2025.

Acara diteruskan dengan sesi



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan mendengarkan sembah penerangan.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Hernie Suliana Haji Othman**

Ceramah Perdana bertajuk 'Wanita dan Sedekah, Jangan Pernah Berpisah' yang disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor, Fakulti Sains Halal dan Pelancongan Mampan, Pengarah Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban dan Pemangku Penolong Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim selaku penceramah undangan.

Antara inti pati ceramah menyentuh mengenai kehidupan moden yang penuh cabaran, wanita sering memikul peranan *multi-tasking* sebagai ibu, isteri, pekerja dan tulang belakang keluarga. Namun, ada satu kekuatan spiritual yang perlu diambil perhatian iaitu amalan sedekah.

Ceramah ini juga mendedahkan rahsia bagaimana sedekah bukan hanya sekadar amalan biasa atau tradisi tetapi sedekah adalah 'senjata rahsia' wanita Muslimah untuk mencapai ketenangan jiwa melindungi keluarga dan membuka pintu rezeki yang tidak terduga.

Pada majlis itu, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri kemudiannya berkenan berangkat bagi menandatangani Lembaran Kenangan dan menerima pesambah.

Sebelum berangkat balik meninggalkan majlis, Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2025 dan bergambar ramai bersama dengan Ahli Jawatankuasa Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2025.

Majlis Ilmu pada tahun ini membawa tema 'Negara Ditanai Dengan Sedekah' dan Ceramah Perdana hari ini merupakan lanjutan dari Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025 pada 25 September 2024 dan Forum Perdana Majlis Ilmu 2025 pada 27 September 2025.

# Sedekah senjata rahsia meraih ketenangan jiwa

**Oleh : Nurhamiza Haji Roslan**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Hernie Suliana Haji Othman**

**BERAKAS**, Selasa, 30 September. – Sedekah bukan sekadar amalan tradisi, bahkan ia adalah wasilah yang mensucikan rohani. Bagi wanita Muslimah, sedekah menjadi 'senjata rahsia' untuk meraih ketenangan jiwa, melindungi keluarga, serta membuka pintu rezeki yang tidak disangka-sangka.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menyembahkan demikian dalam sembah alu-aluan pada Majlis Ceramah Perdana Majlis Ilmu Tahun 2025 yang berlangsung pagi tadi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan perhimpunan Majlis Ilmu Tahun 2025 membawa tema 'Negara Ditanai Dengan Sedekah' dan tema berkenaan amat bertepatan dengan realiti kehidupan moden yang semakin progresif, namun sarat dengan pelbagai cabaran yang menuntut kesabaran, kecekalan dan pengorbanan.

Dalam arus perubahan ini sembah Yang Berhormat lagi, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat segelintir wanita berkeluarga yang memikul komitmen dan beban besar dalam menyara anak-anak.

"Wanita masa kini bukan sahaja berperanan sebagai ibu, isteri dan anak, malah ada yang turut menjadi penyumbang ekonomi keluarga. Sesungguhnya, pengorbanan dan sumbangan mereka bukan sahaja menjamin kesejahteraan keluarga, malah turut menjadi tunjang utama dalam membina masyarakat sejahtera serta memacu kemakmuran negara," sembah Yang Berhormat.

Yang Berhormat dalam sembahnya menambah, justeru itu pengorbanan yang lahir daripada keikhlasan berkenaan wajar ditanai dengan nilai sedekah, agar terus diberkati, disuburkan, seterusnya memberi manfaat yang berkekalan kepada ummah dan negara.

Yang Berhormat kemudian menyembahkan Sesi Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2025 yang bertajuk 'Wanita dan Sedekah, Jangan Pernah Berpisah' yang akan disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor, Fakulti Sains Halal dan Pelancongan Mampan dan Pengarah Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim.

Menurut Yang Berhormat, antara objektif utama pengisian ceramah berkenaan adalah untuk membangkitkan kesedaran dan membina keyakinan dalam diri wanita bahawa mereka boleh menjadi agen perubahan dan pemacu berkat dan rahmat melalui amalan sedekah, mendedahkan keindahan dan pelbagai bentuk sedekah dalam kehidupan seharian wanita dan memberikan panduan praktikal agar sedekah menjadi rutin harian.

Yang Berhormat dalam sembahnya juga menzahirkan harapan agar Ceramah Perdana yang disampaikan akan berupaya untuk meneguhkan keyakinan bahawa sedekah bukan sahaja menambah rezeki, malah meraih keberkatan dengan cara mencontohi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan wanita solehah, iaitu membudayakan sedekah sebagai amalan harian selaras dengan Maqasid Syariah dan Matlamat Pembangunan Mampan.

Terdahulu dalam sembah alu-aluannya, Yang Berhormat merafakkan sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih atas limpah kurnia perkenan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat ke Majlis Ceramah Perdana, yang jelas mencerminkan keprihatinan serta dukungan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah bagi keberkesanan pelaksanaan perhimpunan Majlis Ilmu Tahun 2025.

Dalam mengakhiri sembah, Yang Berhormat menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Yang Teramat Mulia atas keberangkatan YTM dan juga menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.



**YANG Berhormat Menteri Pendidikan dalam sembah alu-aluannya.**



**ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.**

# RAPTAI PENUH PASTIKAN KELANCARAN MAJLIS RAMAH MESRA

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi**



**YANG Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 berkenan berangkat menyaksikan raptai penuh Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Tutong.**

**TUTONG**, Selasa, 30 September. - Raptai penuh Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Tutong bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 diadakan pagi tadi di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Tutong.

Berangkat bagi menyaksikan raptai penuh ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025.

Turut hadir bagi menyaksikan raptai penuh berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-79 Tahun bagi Daerah Tutong.

Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat di Daerah Tutong akan diadakan pada Sabtu, 4 Oktober ini bertempat di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Tutong.



**SEBAHAGIAN peserta persembahan semasa menghadiri raptai penuh sambutan berkenaan.**

MAJLIS ILMU 2025

***"ALLAHUMMA ya Allah, ya Tuhan kami mohon, supaya dilanjutkan usia raja kami. Mohon supaya baginda itu terus memimpin kami dengan kepimpinan baginda yang bijaksana. Mohon ya Allah, supaya dikurniakan kepada baginda kesihatan yang sempurna serta kekuatan yang berpanjangan untuk membawa kami dan negara ke mercu kegemilangan. Ya Allah ya Tuhan kami, mohon, mohon supaya diterima do'a kami ini, aamiin, aamiin, aamiin ya Rabbal 'alamin".***

-Doa Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned bagi mengakhiri Ceramah Khas bertajuk 'Negara Brunei Darussalam Ditanai Dengan Sedekah' pada Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun pada Khamis, 25 September 2025 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

# Pelancongan perkukuh kerjasama serantau, kesalinghubungan antara rakyat

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan**




**DELEGASI Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.**

**MELAKA**, Isnin, 29 September. - Retreat Menteri-menteri Pelancongan ASEAN yang bersidang hari ini di Melaka, Malaysia menghimpunkan menteri-menteri dan perwakilan kanan dari Negara Anggota ASEAN dan Timor-Leste untuk melakarkan masa depan pembangunan pelancongan di rantau ini.

Mesyuarat tersebut dihoskan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Sri Tiong King Sing.

Malaysia mempengerusikan Retreat Menteri - menteri Pelancongan ASEAN sempena Hari Pelancongan Sedunia 2025.

Menyedari pelancongan sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi dan integrasi serantau, Tuan Yang Terutama Dato Sri Tiong King Sing, dalam ucapan alu-aluannya, menekankan bahawa pelancongan bukan sahaja enjin pertumbuhan ekonomi tetapi juga platform yang berkuasa untuk kerjasama serantau dan kesalinghubungan antara rakyat.

Tuan Yang Terutama menegaskan bahawa di bawah pengerusi Malaysia, usaha akan tertumpu pada memastikan sektor itu terus mewujudkan peluang pekerjaan, merangsang ekonomi negara dan mengukuhkan kerjasama di seluruh ASEAN.

Retreat memberi tumpuan kepada membina sektor yang mampan, inklusif dan berdaya tahan sambil meningkatkan daya saing global ASEAN. Perbincangan menilai cabaran dan peluang yang berkembang, amalan terbaik dan meneroka trend pelancongan yang baharu muncul.

Para menteri juga bertukar-tukar pandangan untuk mengukuhkan kerjasama serantau mengenai pembangunan pelancongan mampan, dan mempertimbangkan arahan dasar dan cadangan untuk meningkatkan ketibaan pelawat antarabangsa ke ASEAN.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) diketuai oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, diiringi oleh Timbalan Setiausaha Tetap I, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi dan pegawai dari Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dr. Kao Kim Hourn dalam ucapan perasmiannya, menekankan peranan penting sektor pelancongan dalam memacu pertumbuhan sosioekonomi sambil menegaskan keperluan untuk strategi yang mengutamakan kelestarian, inklusif dan daya tahan.

Tuan Yang Terutama juga menekankan inovasi dan teknologi sebagai pemangkin utama sektor pelancongan sedia masa depan, dengan ASEAN memanfaatkan alat digital untuk meningkatkan pengurusan destinasi, menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan menyediakan pengalaman pelancongan yang lancar dan menyeluruh.

Semasa sesi intervensi NBD, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menggariskan beberapa inisiatif utama di bawah Pelan Hala Tuju Industri Pelancongan 2024-2035, antaranya membina industri pelancongan yang mampan dan inklusif; memperkukuh infrastruktur dan kesalinghubungan serta membangunkan tenaga kerja pelancongan mahir. Selain itu, NBD juga menjalankan pelbagai usaha pemuliharaan alam sekitar di bawah Program Penghijauan Brunei, termasuk pemeliharaan terumbu karang dan batu karang; pemulihan hutan, dan pemulihan bakau, untuk menyokong perlindungan biodiversiti dan menggalakkan langkah mesra alam untuk daya tahan iklim.

Yang Berhormat juga menekankan langkah untuk mengukuhkan kesalinghubungan serantau, seperti mempermudah perjalanan rentas sempadan untuk pengembara yang kerap, pembangunan jadual perjalanan pelayaran Asia Tenggara bersepadu, dan program pengecualian visa untuk meningkatkan ketibaan pelancong.

Melengkapkan usaha ini, Brunei juga memanfaatkan platform digital dalam talian untuk meningkatkan promosi dan kedudukan, sambil menyokong imej ASEAN sebagai destinasi pelbagai negara yang bersatu dan menarik.

'Retreat' tersebut mengesahkan komitmen kolektif ASEAN terhadap pembangunan pelancongan yang mampan, ketersambungan serantau yang lebih kukuh, dan mengukuhkan imej rantau ini sebagai destinasi global yang selamat, mesra dan bersepadu.

# Sembahyang dalam Keadaan Rambut Diikat atau Lengan Baju Dilipat

IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

MELIHAT kepada keadaan masyarakat menunaikan sembahyang sekarang ini baik di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat terutama ketika menunaikan sembahyang Jumaat, kita akan mendapati sebahagian jemaah lelaki menunaikan sembahyang dalam keadaan rambutnya diikat. Sebahagiannya pula menunaikan sembahyang dalam keadaan lengan bajunya atau hujung seluarnya dilipat. Persoalannya, apakah hukum lelaki menunaikan sembahyang dalam keadaan rambutnya diikat atau lengan bajunya atau hujung seluarnya dilipat?

Sembahyang adalah ibadah yang paling utama dalam Islam. Apabila seseorang menunaikan sembahyang fardhu lima waktu dengan betul dan sempurna, maka sembahyang itu menjadi penebus dosanya yang berlaku di antara waktu-waktu sembahyang tersebut. Dalam hadits yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

**Maksudnya** : *Adakah kamu melihat jika ada sebuah sungai di hadapan pintu (rumah) salah seorang daripada kamu, dia mandi di dalamnya lima kali sehari, adakah engkau berkata : Yang demikian itu (masih) mengekalkan kotorannya (yang ada dibadannya)? Mereka berkata : (Mandi lima kali itu) tidak mengekalkan sedikit pun dari kotorannya. Baginda bersabda : Maka yang demikian itu seumpama sembahyang fardhu lima waktu, Allah menghapuskan dosa-dosa dengannya (menunaikan sembahyang fardhu lima waktu).*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Dalam mencapai kesempurnaan sembahyang, selain menjaga rukun-rukun sembahyang dan perkara-perkara sunat dalam sembahyang, menghindari perkara-perkara makruh dalam sembahyang juga perlu dilakukan agar perkara-perkara makruh itu tidak mengurangkan ganjaran pahala sembahyang.

Salah satu perkara yang makruh dilakukan dalam sembahyang ialah menahan rambut atau pakaian daripada ikut sujud bersama orang yang menunaikan sembahyang itu seperti rambutnya diikat atau lengan bajunya atau hujung seluarnya dilipat.

Perkara ini berdasarkan kepada hadits yang diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma*, beliau berkata :

**Maksudnya** : *Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam diperintahkan untuk sujud di atas tujuh anggota dan dilarang menahan (mengikat) rambut dan (melipat) pakaian Baginda.*

(Hadits riwayat Muslim)

Dalam riwayat lain daripada Ibn 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

**Maksudnya** : *Aku telah diperintahkan untuk sujud di atas tujuh (anggota sujud) dan aku tidak menghimpunkan (mengikat atau yang seumpamanya) rambut serta tidak menghimpunkan (melipat atau yang seumpamanya) pakaian. (Tujuh anggota sujud tersebut ialah) dahi, hidung (disunatkan), dua tangan, dua lutut dan dua kaki.*

(Hadits riwayat Muslim)

Mengenai larangan menahan rambut dan pakaian ketika sembahyang ini, Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj menyatakan :

**Ertinya** : *Dan (makruh) menahan rambutnya itu seumpama mengikatnya atau memasuk-masukkannya (rambutnya) ke bawah serbannya, atau (makruh menahan) pakaiannya seumpama menyingsingkan lengan bajunya atau hujung seluarnya, mengikat bahagian pinggangnya, menyemat hujung rumbai (pakaian).*

Para ulama telah sepakat tentang larangan melakukan kesemua perkara di atas dan hukum melakukannya adalah makruh *tanzih*. Maksud makruh *tanzih* ialah perkara yang dituntut oleh syara' meninggalkannya akan tetapi tuntutan itu tidak sampai ke tahap wajib. Jika dilakukan juga perkara tersebut, maka perbuatan itu adalah *khilaf al-'awla* (menyalahi yang utama) dan tidak berdosa.

Walau bagaimanapun mengerjakan sembahyang dalam keadaan rambut yang diikat atau pakaian yang dilipat ataupun yang seumpamanya tidak dihukumkan makruh *tanzih* jika ada keperluan sama ada ia pada peringkat *dharurah* atau *hajah* seperti aurat akan terbuka jika pakaian itu tidak diikat atau seluar tidak dapat dipakai melainkan dengan mengikatnya. Dalam keadaan ini, mengikat itu menjadi sunat kerana ia adalah suatu cara untuk memakai seluar bahkan jika seseorang memiliki kain yang diperlukan untuk sembahyang fardhu dan tidak dapat memakainya melainkan dengan mengikatnya, maka ia menjadi wajib kerana tuntutan menutup aurat.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab menyebut bahawa larangan ini berlaku kepada sesiapa sahaja yang mengerjakan sembahyang dalam keadaan pakaiannya dilipat atau rambutnya diikat ataupun yang seumpama kedua-duanya, sama ada dia senghaja melakukannya untuk sembahyang, atau dia sudah berada dalam keadaan sedemikian itu sebelum sembahyang kerana sebab lain, lalu dia mengerjakan sembahyang dalam keadaan tersebut. Menurut Imam az-Zarkasyi *Rahimahullah*, larangan sembahyang dengan rambut yang diikat atau seumpamanya itu adalah khusus bagi lelaki. Adapun bagi perempuan, perintah untuk membuka ikatan rambut itu adalah perkara yang menyulitkan mereka, malah mengubah penampilan dan menjejaskan sifat berhias dan kesopanan perempuan. Demikian juga perbuatan mengikat rambut itu boleh menjadi wajib ke atas perempuan tersebut jika ia menjejaskan kesahan sembahyang. Maka dalam hal ini, tidak makruh jika rambut mereka kekal diikat.

Hikmah di sebalik larangan mengerjakan sembahyang dalam keadaan pakaian yang dilipat dan rambut yang diikat atau yang seumpamanya adalah agar yang demikian itu tidak menghalang rambut dan pakaian turut sujud bersama orang yang menunaikan sembahyang itu. Imam asy-Syaubari *Rahimahullah* menyebut bahawa hikmah umum di sebalik larangan tersebut adalah kerana terdapat unsur penyerupaan dengan orang sombong. Di samping itu, menahan pakaian dan rambut juga tidak menggambarkan *khusyu'* dan *tawadhu'* dalam sembahyang.

Oleh yang demikian, berdasarkan penjelasan di atas, seseorang yang mendirikan sembahyang dalam keadaan rambut, lengan baju atau hujung seluarnya tertahan daripada ikut sujud sama ada dengan mengikatnya, melipatnya, menggulungnya, menyingsingnya atau yang seumpamanya, maka yang demikian itu adalah perbuatan yang mengurangkan pahala sembahyang.

MENUJU KEREDAAN ALLAH

# Penganiayaan atau buli

AKHIR-akhir ini, kes buli atau penganiayaan semakin kerap berlaku terutamanya dalam kalangan pelajar, sama ada di sekolah mahupun di luar. Malah, ia bukan sahaja berlaku antara pelajar tetapi juga dalam kalangan orang dewasa, khususnya di tempat kerja. Perbuatan buli boleh merosakkan kesihatan mental seseorang sehingga mereka takut untuk hadir ke sekolah mahupun tempat kerja.

Antara perbuatan buli ini seperti kegiatan memeras ugut, menghina, mengejek, menumbuk dan sebagainya. Kes seperti ini berlaku kerana adanya rasa dengki terhadap kejayaan atau pencapaian seseorang dan timbul perasaan benci terhadap rakan sekerja atau rakan sekelas dan lain-lain lagi. Selain itu, kes buli atau penganiayaan ini juga berkait dengan perilaku yang sangat dahsyat sebagai contoh menggunakan alat tajam untuk membuli mangsa, bahkan sesetengah pembuli akan merasa bangga dengan perbuatan mereka sehingga memuat naik perbuatan tersebut ke dalam platform media sosial sama ada untuk mendapatkan pujian atau sengaja memalukan mangsa yang dibuli.

Memang tidak boleh dinafikan, bahawa kes buli ini semakin berleluasa dan menjadi-jadi. Hal ini telah mencapai satu tahap yang menimbulkan rasa tidak tenteram untuk masyarakat kerana jika isu ini terus diabaikan, ia boleh menyebabkan mangsa mengalami kesan yang teruk pada fizikal dan mental secara serius.

Lebih-lebih lagi, jika mangsa tidak memaklumkan hal tersebut kepada ahli keluarga mereka, maka perkara tersebut akan menambah beban dan memberi kesan negatif pada diri mereka. Jelaslah bahawa kes buli memberi impak besar dan boleh memusnahkan kehidupan seseorang jika tidak ditangani dengan serius.

Tekanan akibat buli boleh mendorong mangsa kepada cubaan membunuh diri, terutama jika mereka berasa tertekan sama ada dalam pekerjaan mahupun kehidupan seharian. Kenangan pahit itu boleh menghantui mereka dan menjejaskan kesihatan mental secara berpanjangan.

Justeru itu, pihak berkuasa, ibu bapa dan masyarakat memainkan peranan penting untuk mengambil tindakan yang wajar agar perkara buli tidak berlaku lagi pada masa akan datang. Oleh hal yang demikian, terdapat langkah yang dapat diusahakan untuk menangani masalah terhadap kes buli ini.

Antaranya adalah seperti, mengadakan ceramah tentang gejala buli atau kempen anti buli kepada pelajar-pelajar di sekolah ataupun luar sekolah. Dengan mengadakan aktiviti tersebut boleh membuka minda dan memberi kesedaran kepada para pelajar akan kesan buruk daripada perbuatan buli.

Selain itu, pihak sekolah berperanan untuk menerapkan nilai - nilai murni seperti hormat - menghormati, sayang-menyayangi, serta memupuk diri mereka dengan akhlak yang baik agar menjadi insan yang berguna dan berdedikasi.

Di antara kaedah yang lainnya, adalah melalui penggunaan platform media sosial seperti Instagram, Facebook atau selebihnya bagi menyebarkan serta membarigakan poster-poster mengenai impak negatif serta kesan dari perbuatan buli kepada golongan masyarakat di luar sana. Bukan itu sahaja, perisian tajuk di dalam Khutbah Jumaat juga menjadi satu landasan bagi menyebarkan kesedaran atau peringatan kepada semua.

Sehubungan itu, penggunaan media sosial juga perlu dikawal dengan baik kerana banyak kandungan negatif di dalamnya yang boleh mempengaruhi para remaja serta menimbulkan rasa keinginan untuk mencuba sehingga menjadikannya sebagai tabiat. Hal demikian boleh mencemarkan minda mereka dengan perkara yang tidak baik dalam diri mereka. Disebabkan oleh itu, pihak yang berkenaan juga perlu mengawal penyiaran kandungan yang negatif dan tidak bermoral di media sosial terutama sekali dalam bentuk gambar dan platform penstriman video.

Di samping itu, ibu bapa juga berperanan penting terhadap kes ini. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka adalah sosok yang mendidik anak-anak sejak dari kecil lagi. Lebih-lebih lagi, jika terdapat masalah keluarga yang berunsur keganasan di dalamnya, anak-anak akan mudah terpengaruh dengan aksi tersebut dan ingin mencuba di dunia luar. Tambahan lagi, jika di antara anak-anak tersebut tidak mendapatkan perhatian yang cukup, serta didikan yang kurang dari segi agama, akhlak dan lain-lain daripada kedua ibu bapa mereka, demikian boleh mendorong mereka kepada terjadinya kes buli.

Oleh itu, ibu bapa perlu memberi perhatian yang cukup dan mengambil berat tentang kegiatan anak mereka. Dengan itu, anak mereka akan berasa selamat dan selesa untuk berkongsi masalah mereka. Ibu bapa juga boleh menjadi sumber inspirasi kepada anak-anak dengan memperlihatkan sikap dan perilaku yang baik, agar anak-anak tidak terpengaruh dengan gejala negatif seperti membuli.

Dalam Surah Al-Hujuraat, ayat 11, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang mafhumnya :

*"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum mengejek-ejek satu kaum yang lain, boleh jadi kaum yang diejek itu lebih baik daripada mereka dan janganlah pula (satu kaum) perempuan mengejek perempuan yang lain, boleh jadi perempuan yang diejek itu lebih baik daripada mereka. Dan janganlah kamu mencaci sesama kamu dan janganlah pula kamu panggil-memanggil dengan gelaran buruk. Seburuk-buruk panggilan adalah panggilan fasik sesudah seseorang itu beriman…".*

Ayat ini membawa maksud larangan untuk tidak menghina atau merendahkan seseorang di antara kita. Malah ia memberi kesedaran kepada kita bahawa orang yang direndahkan atau dicela itu, boleh jadi lebih baik dari diri kita.

Sebagai kesimpulan, buli bukan sahaja mencederakan fizikal seseorang, malah meninggalkan kesan mendalam terhadap emosi dan mental. Oleh itu, ibu bapa, pihak sekolah, masyarakat dan pihak berkuasa perlu bekerjasama dalam mencegah gejala ini daripada terus merebak. Ingatlah, Islam juga menyeru kita untuk saling menghormati, bukan merendahkan atau menyakiti antara satu sama lain. Marilah kita menjadi sebahagian daripada solusi, bukan penyumbang kepada masalah.

# 5 PELAJAR TANDATANGANI PERJANJIAN BIASISWA





**YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sijil biasiswa kepada salah seorang penerima (atas kiri dan atas).**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 30 September. - Seramai empat pelajar berjaya menerima Biasiswa The Chancellor's Scholar Universiti Brunei Darussalam (UBD) bagi melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah, manakala seorang pelajar menerima Biasiswa UTB's Scholars Universiti Teknologi Brunei (UTB) bagi Ijazah Doktor Falsafah.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa mengadakan Majlis Menandatangani Perjanjian dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Majlis Penganugerahan bagi Skim Biasiswa The Chancellor's Scholar UBD dan Skim Biasiswa UTB's Scholars UTB bagi Sesi 2025 / 2026, yang berlangsung di Dewan Auditorium, Bangunan Majlis Mesyuarat Negara, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyaksikan penandatanganan perjanjian tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Awang Haji Raminey bin Haji Salleh.

Kemudian, majlis diteruskan dengan penandatanganan borang perjanjian bagi kesemua penerima anugerah biasiswa tersebut. Menandatangani bagi mewakili pihak UBD ialah Naib Canselor, Dr. Hazri bin Haji Kifle. Manakala menandatangani bagi mewakili pihak UTB ialah Naib Canselor, Datin Paduka Profesor Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Majlis juga menyaksikan penyampaian sijil biasiswa kepada penerima Skim Biasiswa The Chancellor's Scholar UBD dan Skim Biasiswa UTB's Scholars UTB oleh tetamu kehormat.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin; ketua - ketua jabatan dan pegawai - pegawai Kementerian Pendidikan.

# AI tingkatkan kecekapan, mudahkan proses kerja harian





**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Persidangan Khas Perkhidmatan Awam bagi sesi petang (atas kanan). Sementara gambar atas, Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku pengendali forum panel berkenaan.**

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 30 September. - Lebih 250 peserta daripada sektor kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan perwakilan luar negara menghadiri Persidangan Khas Perkhidmatan Awam bersempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-32 yang berlangsung di Dewan Teater, Jabatan Perdana Menteri.

Persidangan turut disertai secara dalam talian oleh peserta daripada ASEAN Public Service Training Institutes (PSTI) Network.

Hadir selaku tetamu kehormat pada persidangan sesi petang ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Sesi petang dibuka dengan pembentangan oleh General Manager, EVYD Technology, Dr. Abby Tan bertajuk 'From Data to Discovery : AI as a Catalyst in Modern Healthcare'.

Ini diikuti dengan forum panel yang dikendalikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Para panel terdiri daripada pembentang - pembentang persidangan iaitu mantan Menteri Singapura, Profesor Yaacob bin Ibrahim yang kini merupakan Adjunct Professor, Lee Kuan Yew School of Public Policy dan Professor of Engineering, Singapore Institute of Technology; Pengarah AI dan Data di Digital Nation, Estonia, Sigrit Siht; Distinguished Professor, Management Development Institute, India, Profesor Prajapati Trivedi; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Chong Chin Yee dan Dr. Abby Tan.

Adapun tujuan persidangan diadakan untuk membentangkan elemen transformasi digital dan inovasi berasaskan AI dalam perkhidmatan awam, menekankan penggunaan aplikasi AI yang boleh meningkatkan kecekapan serta memudahkan proses kerja harian.

Di samping itu, ia bertujuan untuk berkongsi isu semasa serta amalan terbaik yang berkaitan dengan inovasi, transformasi digital dan AI dalam tadbir urus dan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam.



**SEKITAR persidangan tersebut yang diadakan di Dewan Teater, Jabatan Perdana Menteri.**

PELITA BRUNEI

# Penyalaan lampu sempena Hari Antarabangsa Warga Emas

Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 29 September. - Sebagai usaha untuk menyokong dan memeriahkan lagi Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas 2025 Kali Ke-22 yang disambut setiap 1 Oktober, Negara Brunei Darussalam (NBD) menyalakan lampu berwarna kuning keemasan (*gold*) di beberapa buah tempat, iaitu di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (Jambatan SHOAS) dan bangunan Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Penyalaan lampu di lokasi berkenaan akan berlangsung selama dua malam, bermula pada 30 September hingga 1 Oktober 2025 dari jam 7.00 malam hingga 12.00 tengah malam.

Inisiatif berkenaan bukan sahaja bertujuan untuk memperingati jasa-jasa warga emas dalam menyumbang kepada pembangunan negara, tetapi juga sebagai memberi penghormatan dan penghargaan kepada warga emas.

Warna kuning keemasan dipilih sebagai warna tema rasmi Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas bagi menunjukkan warga emas yang meniti usia emas, serta menggambarkan kekayaan pengalaman dan sumber pengetahuan mereka yang dapat dimanfaatkan oleh generasi muda sebagai panduan cara hidup.

Sebagai tanda sokongan dan penyertaan orang ramai dalam inisiatif berkenaan, orang ramai digalakkan untuk mengambil gambar lokasi-lokasi yang diterangi cahaya kuning keemasan dan memuat naiknya ke media sosial dengan menggunakan *hashtag* #HAWE2025.

Dihasratkan inisiatif berkenaan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan menghargai, melindungi dan menyokong warga emas dalam aspek kekeluargaan, penjagaan serta kesejahteraan agar dapat terus diperkukuh.



**PENYALAAN lampu berwarna kuning keemasan (*gold*) di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien sempena Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas 2025 Kali Ke-22 yang disambut setiap 1 Oktober.**

# BINCANG HALA TUJU IKLIM, KELESTARIAN NBD





**SUASANA Forum Masa Depan Lestari - 'Membina Komuniti Mampan' (Sustainable Future Forum - Building Susainable Communities) yang diadakan di The Garden's Veranda (kiri dan kanan).**

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**RIMBA**, Selasa, 30 September. - Isu kelestarian dan perubahan iklim menjadi fokus utama pada sebuah forum yang dianjurkan oleh Asia Inc Forum bersama Bank Baiduri dengan kerjasama rakan strategik serantau dan antarabangsa, menghimpunkan pakar-pakar, pemimpin industri dan penggiat komuniti bagi membincangkan peranan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam menghadapi cabaran global berkenaan.

Forum Masa Depan Lestari - 'Membina Komuniti Mampan' (Sustainable Future Forum - Building Sustainable Communities) berkenaan diadakan di The Garden's Veranda.

Forum dimulakan dengan sabda daripada Pengerusi Bank Baiduri, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dr. Abdul Fattaah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah yang menekankan bahawa kelestarian bukan sekadar trend atau pilihan sampingan tetapi merupakan keperluan yang menyentuh setiap aspek kehidupan, ekonomi dan masa depan.

Yang Amat Mulia seterusnya menegaskan bahawa perubahan iklim semakin jelas kelihatan di NBD melalui hujan lebat tidak menentu, banjir kilat di kawasan rendah dan tempoh panas yang berpanjangan.

Justeru menurut YAM lagi, tindakan awal yang berpandangan jauh amat penting supaya negara tidak ketinggalan dalam peralihan global.

Sesi pertama bertajuk 'Brunei's Climate Path' menampilkan Ketua Sekretariat Perubahan Iklim NBD, Ir. Ahmad Za'iemaddien bin Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi yang membincangkan bersama Ahli Lembaga Bank Baiduri, Profesor David Grayson, mengenai hala tuju iklim NBD dalam konteks komitmen nasional dan serantau.

Manakala, sesi kedua pula memberi tumpuan kepada 'Climate Risk and Business' dengan pembentangan yang disampaikan oleh Pengarah Asia Pacific Climate Risk Center, Willis Towers Watson (WTW), Republik Singapura, Dr. Christopher Au, diikuti dengan perbincangan panel bersama Ketua Pegawai Eksekutif Brunei Fertilizer Industries, Dr. Harri Kiiski; dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Bank Baiduri, Manuel Bulens serta Dr. Christopher sendiri, yang dimoderatorkan oleh Profesor David Grayson.

Sementara sesi ketiga bertajuk 'Where Nature and People Thrive' membincangkan mengenai bagaimana pemuliharaan dan pemberdayaan komuniti dapat berjalan seiring. Ia menampilkan Pengasas Bersama Dan Pengerusi HAKA, Republik Indonesia, Farwiza Farhan, yang terkenal dengan usaha melindungi Ekosistem Leuser, dalam perbualan bersama Pengerusi Asia Inc Forum, Dato Timothy Ong.

Pada sesi keempat, perbincangan difokuskan kepada 'Counting What Matters', iaitu trend pelaporan Environmental, Social, and Governance (ESG) di peringkat global dan serantau serta implikasinya kepada NBD.

Antara ahli panel ialah Rakan Kongsi Deloitte SEA dalam bidang Perundingan Iklim dan Kelestarian, Josette Soh; Ketua Inovasi Digital UNGCMYB, Crystal Yip; dan Ketua Kelestarian AEON CO. (M) BHD, Tengku Adrinna Tengku Azman, yang dimoderatorkan oleh Ketua Negara Asia Inc Forum, Pengiran Hanna binti Pengiran Hassanal.

Sesi kelima bertajuk 'Impact from the Ground Up' menampilkan Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Bambuhay, Mark Sultan Gersava, seorang usahawan sosial yang diiktiraf Forbes 30 Under 30 Asia yang berkongsi pandangan mengenai inovasi sosial dan penyelesaian tempatan.

Perbincangan panel turut disertai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Biofield Solutions, Dr. Vanessa Teo; Strategis Impak Sine Soledad, Pia Duran bersama Mark Sultan Gersava sendiri, dimoderatorkan oleh Pengiran Hanna.

Forum diakhiri dengan ucapan penutup bertajuk 'Where Do We Go From Here?' oleh Profesor David Grayson yang menekankan bahawa kelestarian kini bukan lagi tentang pengorbanan, tetapi tentang daya saing, inovasi dan pertumbuhan masa depan.

## HALUAN

>> Muka 2

Bagi memastikan inovasi dalam pembangunan sahsiah pelajar, Kementerian Pendidikan telah mengemaskini sebuah Buku Panduan Kokurikulum bagi memastikan Program Sahsiah Pelajar dilaksanakan secara berstruktur dan bersistematik. Program Sahsiah Pelajar merangkumi empat komponen: Fizikal, Kerohanian, Kreativiti dan Perkhidmatan yang perlu disertai oleh setiap pelajar bagi pembinaan akhlak, nilai murni dan jati diri yang kukuh.

Dalam perkara berkaitan, Alhamdulillah, Program Pengukuhan komponen amali dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, khususnya ibadah solat turut dilaksanakan melalui Program Bimbingan Solat dan Program Bilal dan Imam Cilik. Selain itu, Buku Kurikulum Pendidikan Khas Ugama juga telah dihasilkan untuk kegunaan pelajar Berkeperluan Khas.

Dalam apa jua usaha dan inisiatif yang dirancang, guru tetap menjadi tonggak utama di barisan hadapan pelaksanaan. Justeru, perhatian khusus diberikan kepada para guru melalui latihan dan pembangunan profesional, bagi memastikan kompetensi dan kemahiran inovatif mereka selaras dengan perubahan dalam landskap pendidikan. Alhamdulillah, Kementerian Pendidikan telah menghasilkan 'Buku Garis Panduan Pelan Perkembangan dan Laluan Kerjaya Pendidik' yang bertujuan untuk menyejajarkan pelaksanaan program-program perkembangan kapasiti guru dengan Laluan Kerjaya Guru, Pengurusan Bakat dan Perancangan Penggantian.

Berkaitan dengan kesejahteraan dan kebajikan guru pula, di kesempatan ini, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik, mewakili seluruh warga guru menjunjung kasih atas keprihatinan Kebawah Duli Tuan Patik memperkenankan pemberian Cuti Ihsan semasa Sesi Penggal Persekolahan. Alhamdulillah, pemberian Cuti Ihsan telah mula dilaksanakan pada 1 Januari 2025. Setentunya ini adalah satu penghargaan yang amat bermakna atas pengorbanan para guru.

Bagi kepentingan penjagaan kesejahteraan mental, Kementerian Pendidikan sedang giat melaksanakan usaha-usaha membendung gejala buli dalam sektor pendidikan khususnya di sekolah. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan adalah dalam proses membentuk kerangka 'Education Policy Framework for Whole Education Approach to Prevent and Address Bullying'. Selain itu, bermula Januari 2025, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (C3L), Universiti Brunei Darussalam telah memperkenalkan Program Ijazah Sarjana Muda Kaunseling yang memberikan peluang kepada guru meningkatkan kemahiran dan melahirkan kaunselor profesional.

Pada kesempatan ini, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung perkenan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada penerima-penerima Anugerah Hari Guru Kali Ke-35 pada tahun ini.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua guru di NBD, baik yang masih berkhidmat mahupun yang telah bersara, atas segala jasa, pengorbanan dan sumbangan mereka. Terima Kasih Cikgu!

Demikianlah disembahkan. Sebelum Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugeraha berundur diri, sekali lagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik.

Terima kasih yang setinggi-tingginya juga dirakamkan kepada semua pihak yang turut sama terlibat mengungkayahkan serta menjayakan majlis pada hari ini. Semoga segala usaha dan sumbangan murni lagi ikhlas itu akan mendapat keberkatan dan ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala jua. *Amin Amin Ya Rabbal Alamin.*

Pada mengakhiri sembah alu-aluan ini, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan rendah diri menyembahkan berbanyak-banyak menjunjung ampun bagi sebarang susun sembah dan suruk langkah yang tiada *majalis* dalam Majlis Sambutan Hari Guru ini.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugeraha.

# AI BUKAN SEKADAR TEKNOLOGI TETAPI TRANSFORMASI



**SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM dalam ucapannya.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 30 September. - Persidangan Khas Perkhidmatan Awam bersempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-32 membawakan tema 'Transformasi Digital dan Inovasi Berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) dalam Perkhidmatan Awam'.

Persidangan tersebut dianjurkan oleh Institut Perkhidmatan Awam (IPA) berlangsung di Dewan Teater, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Hadir selaku tetamu kehormat pada persidangan sesi pagi ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Sementara itu, Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin dalam ucapannya menjelaskan bahawa tema tahun ini, 'Transformasi Digital dan Inovasi Berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) dalam Perkhidmatan Awam' mengingatkan kita bahawa AI bukan sekadar tentang teknologi tetapi mengenai transformasi.

Menurutnya AI dan alat digital adalah pemangkin di mana ia membantu kita membayangkan semula bagaimana kerajaan menyampaikan perkhidmatan yang lebih pantas, lebih mudah dan lebih berteraskan keperluan rakyat.

"Negara Brunei Darussalam telah mencatat kemajuan. Indeks Kesiapsiagaan AI Kerajaan 2024 meletakkan kita di kedudukan ke-66 di peringkat global, meningkat daripada kedudukan ke-74 pada tahun 2023.

"Ini mencerminkan peningkatan tetapi juga menunjukkan keperluan untuk memperkukuhkan asas kita: kepimpinan yang mampu membuat keputusan yang berinformasi, sistem tadbir urus yang beretika dan selamat, serta tenaga kerja yang memiliki kemahiran untuk menjadikan AI sebagai penyelesaian yang nyata," ujarnya.

Namun begitu jelasnya lagi, kemajuan tidak seharusnya diukur hanya melalui kedudukan dalam penarafan global, apa yang paling penting ialah pengalaman sebenar rakyat kita - perkhidmatan yang lebih cekap, kurang halangan dan interaksi yang lebih prihatin terhadap kerajaan.

Beliau menambah, transformasi sebenar bermakna bergerak melangkaui proses yang tidak teratur ke arah sebuah kerajaan yang bersepadu, proaktif, dan responsif. Sepanjang persidangan, lima pembentangan disampaikan iaitu empat pada sesi pagi dan satu pada sesi petang.

Para pembentang terdiri daripada pengamal serta pakar tempatan dan antarabangsa dari Singapura, Estonia dan India.

Pada persidangan tersebut, mantan Menteri Singapura, Profesor Yaacob bin Ibrahim yang kini merupakan Adjunct Professor, Lee Kuan Yew School of Public Policy dan Professor of Engineering, Singapore Institute of Technology berkongsi mengenai 'AI in the Public Service'.

Sementara itu, Pengarah AI dan Data di Digital Nation, Estonia, Sigrit Siht menyampaikan sesi pembentangan mengenai 'How to Make the Brunei Government AI-Powered: Insights from Estonia and Beyond' mengambil pengajaran daripada perjalanan transformasi digital Estonia.

WARGA emas adalah aset yang penting dan bernilai kerana mereka membawa pengalaman hidup dan kebijaksanaan yang sering menjadi sumber nasihat dan panduan kepada generasi muda, berperanan utama dalam pengukuhan dan kestabilan keluarga, dan menjadi pengikat silaturahim di antara ahli keluarga.

Islam memerintahkan umatnya agar saling hormat-menghormati antara satu sama lain tanpa mengira bangsa, darjat ataupun keturunan. Sikap hormat-menghormati ini perlu disemadi sejak kecil lagi dengan menghormati dan berbuat baik terhadap kedua ibu bapa. Sedarlah, ibu bapa telah bersusah payah menjaga dan membesarkan kita sejak daripada kandungan ibu lagi sehinggalah kita dewasa. Sememangnya jasa mereka ini tidak dapat untuk dibalas apatah lagi dengan wang ringgit. Oleh itu, sentiasalah kita menghormati, berbakti dan berbuat baik kepada mereka hingga ke akhir hayat mereka.

Sesungguhnya hukum menghormati dan berbuat baik kepada ibu bapa adalah wajib kerana ia merupakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Tuntutan berbuat baik ini juga bukanlah terhad kepada ibu bapa sendiri sahaja bahkan termasuk juga kepada orang yang lebih dewasa atau warga emas, sama ada mereka yang ada hubungan kekeluargaan ataupun tidak. Sesungguhnya warga emas juga mempunyai hak untuk mendapat kasih sayang dan penghormatan dengan menjaga hak-hak mereka.

Warga emas bukanlah golongan yang boleh kita pandang enteng. Hakikatnya, golongan ini memiliki kedudukan yang istimewa di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

### Peranan warga emas dalam pembangunan negara

Golongan tua atau dikenali sebagai warga emas lebih banyak pengetahuan dan berperanan dalam pembangunan negara kerana tiada yang tua tiada yang muda.

Warga emas memiliki pengalaman luas dalam pelbagai aspek sama ada dari segi hubungan sosial, ekonomi dan pengurusan kerja serta alam rumah tangga. Keadaan ini membolehkan golongan muda menjadikan warga emas sebagai rujukan mereka dalam pelbagai urusan.

Di samping kepakaran warga emas dalam kepimpinan, warga emas juga berperanan dalam pembangunan negara melalui sumbangan tenaga mengikut kepakaran dan kemahiran mereka. Sebagai contoh, jika dahulunya mereka berperanan sebagai seorang guru sudah pasti mereka banyak menabur bakti dan pengetahuan mereka kepada anak-anak bangsa sekali gus melahirkan anak-anak bangsa yang berpengetahuan dan berpendidikan tinggi ini juga secara tidak langsung menjadikan warga emas akan sentiasa rasa dihargai dan diperlukan oleh masyarakat. Jelaslah bahawa warga emas mampu menyumbang pembangunan insan yang berguna.

### Sumbangan atas faktor cinta akan tanah air

Dalam isu lain pula warga emas memberi sumbangan dalam pembangunan negara tanpa ada sebarang kepentingan peribadi. Mereka memberi sumbangan atas faktor cinta akan tanah air dan cinta akan kerjaya yang pernah dilakukan oleh mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka berpendapat sumbangan bakti ini memberi kepuasan kepada mereka tanpa memikirkan wang atau pendapatan yang diperoleh. Secara tuntasnya, sikap warga emas ini harus diikuti oleh orang muda agar mereka bekerja demi mencapai kejayaan diri dan bukan semata-mata wang dan kemewahan.

Di negara kita Brunei Darussalam. kita amat bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga seluruh lapisan masyarakat sentiasa berganding bahu dalam memberikan pemedulian terhadap kebajikan dan kesejahteraan warga emas demi memastikan golongan ini dijaga, dipeduli dan diberikan penghormatan melalui pendekatan holistik dan bersepadu dari pelbagai pihak

Bagaimana pula kita orang muda dan yang bergelar anak kepada warga emas apakah peranan kita kepada mereka.

### Tanggungjawab kita kepada ibu bapa / warga emas

Sebagai anak adakah kita sudah menunaikan tanggungjawab kita dalam menjaga kedua ibu bapa? Ketahuilah adalah wajib bagi kita untuk menunaikan tanggungjawab dalam menjaga ibu bapa, lebih-lebih lagi ibu bapa yang telah tua dan uzur yang tidak berupaya untuk menguruskan diri mereka lagi. Dalam menghadapi situasi sedemikian sebagai seorang anak hendaklah bersabar melayani karenah mereka, jangan mudah hilang sabar, melenting dan marah kerana perbuatan demikian akan menggores dan menyakiti hati mereka. Jika hati mereka tergores, ini akan membuatkan kita menjadi anak yang derhaka dan balasannya adalah neraka. Salah satu tanda-tanda anak yang derhaka kepada kedua ibu bapa ialah anak yang mengakibatkan kedua ibu bapa mereka menangis kerana perbuatan tersebut melukakan hati mereka. Ini jelas sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar Radiallahuanhuma, beliau berkata, maksudnya : "*Menyebabkan kedua ibu bapa menangis termasuk di antara perkara derhaka dan dosa-dosa besar*".

Adapun tuntutan berbuat baik, bukan terhad kepada ibu bapa sahaja bahkan termasuk juga kepada orang-orang tua atau warga emas, sama ada yang ada hubungan kekeluargaan ataupun tidak. Sesungguhnya warga emas juga mempunyai hak untuk mendapat kasih sayang dan penghormatan dengan menjaga hak-hak mereka.

Alhamdulillah, warga emas di negara kita tidak diabaikan dan mereka tidak terkecuali menerima kemudahan daripada pihak kerajaan. Mereka diberikan perbelanjaan bulanan iaitu Pencen Umur Tua. Ini menunjukkan pengiktirafan serta keprihatinan kerajaan terhadap warga emas.

Walau bagaimanapun, sebagai seorang anak tidak akan terlepas tanggungjawab untuk terus membantu kedua orang tua sama ada dari segi kewangan mahupun bantuan-bantuan yang lain. Tetapi apa yang menyedihkan terhadap segelintir anak-anak yang mengambil kesempatan meminta wang atau menggunakan wang Pencen Umur Tua ibu bapa mereka untuk menampung perbelanjaan keluarga mereka sedangkan wang itulah sahaja yang diharapkan oleh ibu bapa mereka untuk sekadar perbelanjaan jika mereka itu tiada mempunyai pendapatan lain. Kebanyakan ibu bapa berdiam diri demi mengelakkan pertengkaran dan mengelakkan daripada diri mereka tidak dipedulikan. Kadang-kadang terdapat pula ibu bapa yang sudah uzur disuruh untuk menjaga cucu padahal mereka sendiri tidak berupaya untuk menjaga diri mereka sendiri. Mereka sendiri sebenarnya perlukan penjagaan dan perhatian, namun disebabkan terlalu kasihkan anak, beban tersebut ditanggung juga dengan memendam rasa.

Antara tanggungjawab yang perlu kita laksanakan adalah memberi kasih sayang dan perhatian terhadap ibu bapa dan orang-orang tua, iaitu dengan memeduli keperluan dan kebajikan mereka serta menggembirakan hati mereka. Jangan sampai terjadi pengabaian ibu bapa dengan membiarkan mereka tinggal bersendirian dalam keadaan uzur dengan alasan terlalu sibuk atau tidak ada masa dan tidak ada sesiapa yang boleh diharapkan untuk menjaga dan menguruskan mereka.

Kita jangan lupa bahawa kita tidak selamanya muda. Tetapi akan melalui zaman tua, maka pada ketika itulah baru kita merasakan apa yang orang tua rasa pada masa ini. Jika kita tidak menghormati mereka, maka kelak, kita juga tidak akan dihormati. Inilah hasil balasan atas tingkah laku anak yang tidak melaksanakan tanggungjawabnya terhadap orang tua mereka.

Jadi, warga emas seharusnya dibelai dan dihormati oleh semua lapisan masyarakat. Kita harus menjaga warga emas setelah mereka menjaga kita selama ini.

Justeru, bersempena dengan 1 Oktober yang telah diisytiharkan sebagai Hari Warga Emas Sedunia, marilah kita curahkan rasa kasih sayang kita kepada golongan warga emas dengan menyantuni mereka sebaik mungkin. Sama-samalah kita menghormati dan menjaga kebajikan kedua ibu bapa dan warga emas. Janganlah kita abaikan dan sia-siakan hidup mereka, berilah kasih sayang dan pastikan kehidupan mereka sempurna, terjamin dan sejahtera. Semoga mereka akan sentiasa mendapat keampunan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

# KOMITED MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN, PRODUKTIVITI PERKHIDMATAN

**Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**

**BERAKAS**, Isnin, 29 September. - Bertemakan 'Keberdayatahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam, Pemangkin Kesejahteraan Negara', Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-32 Tahun 2025 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas hari ini menyaksikan penganugerahan Sijil Pengiktirafan Program Penggredan Prestasi Sektor Awam melalui Penarafan Bintang (3PSA) kepada empat jabatan kerajaan.

Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria menerima penarafan empat Bintang dengan tahap sangat baik, manakala Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi; serta Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) masing-masing meraih penarafan tiga Bintang iaitu baik.

3PSA merupakan sistem penilaian yang diperkenalkan bagi memberi pengiktirafan atau penghargaan melalui penarafan bintang kepada agensi-agensi kerajaan yang berusaha memperkukuh akauntabiliti serta memupuk budaya penambahbaikan berterusan dalam prestasi organisasi.

Semasa ditemu bual, Pemangku Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Awang Haji Muhammad Azizil Hakim bin Haji Brahim, bersama Penolong Penguasa Kastam, Haji Muhammad Yusra bin Haji Yakub, menyatakan bahawa pihaknya akan terus berusaha meningkatkan prestasi jabatan dengan menumpukan kepada aspek yang berpotensi untuk mencapai kecemerlangan seperti Sumber Manusia, Dasar Pelaksanaan dan Pemedulian Pelanggan.

Menurut mereka, penilaian jabatan melibatkan aspek Strategi dan Pelaksanaan, Dasar Perkastaman, Sumber Manusia serta Pemedulian Pelanggan.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Perikanan, Dayang Hajah Wanidawati binti Haji Tamat, menyatakan bahawa Jabatan Perikanan berhasrat untuk terus meningkatkan kecekapan, keberkesanan, prestasi, produktiviti serta kualiti penyampaian perkhidmatan, sama ada dalam urusan Perkhidmatan Awam mahupun ketika berinteraksi dengan orang ramai.



**PEMANGKU Pengarah Perikanan, Dayang Hajah Wanidawati binti Haji Tamat semasa ditemu bual.**

Beliau menambah, pengiktirafan yang diterima diharap dapat memberi impak positif, menyuntik semangat pegawai dan kakitangan untuk mencapai hasil yang berorientasikan keputusan, di samping memperkukuh tadbir urus ke arah merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Menyentuh mengenai perancangan masa depan, beliau menjelaskan bahawa Jabatan Perikanan sentiasa berusaha menerapkan pembaharuan dalam strategi, dasar perkhidmatan dan pemedulian pelanggan. Dari aspek penilaian, Jabatan Pengurusan Perkhidmatan menilai jabatan tersebut melalui beberapa indikator termasuk Strategi dan Pelaksanaan (KPI) bagi hasil keluaran sektor perikanan melalui industri penangkapan ikan, akuakultur, pemprosesan ikan serta eksport produk perikanan bagi Tahun Kewangan 2023/2024.

Selain itu, penilaian turut merangkumi aspek dasar dan pelaksanaan, khususnya Dasar Pengimportan Udang Ternakan ke Negara Brunei Darussalam bagi memastikan produk import selamat dan bebas penyakit, di samping memberi keutamaan kepada pasaran udang tempatan sebelum sebarang kebenaran import diluluskan.

Dari aspek pemedulian pelanggan pula, penilaian merangkumi kecekapan tiga perkhidmatan utama: Pertama, memproses permohonan syarikat-syarikat untuk mendaftar sebagai pengimport dan pengeksport ikan; Kedua, memproses pengeluaran atau pembaharuan lesen bagi aktiviti perikanan termasuk ladang ternakan ikan, alat menangkap ikan, pemprosesan ikan serta lesen import/eksport membawa singgah ikan; dan Ketiga, memproses permohonan atau pengeluaran permit import/eksport ikan untuk kegunaan sendiri.



**PEMANGKU Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Awang Haji Muhammad Azizil Hakim bin Haji Brahim bersama Penolong Penguasa Kastam, Haji Muhammad Yusra bin Haji Yakub.**

# MINDA PEMBACA



## Menjadi pemimpin muda : Cabaran dan peluang

**PEMIMPIN** muda ialah individu yang mengetuai sesebuah organisasi atau kumpulan untuk mencapai sasaran atau matlamat yang telah ditetapkan. Mereka memainkan peranan penting dalam memberikan semangat baru kepada masyarakat terutama golongan belia.

Dalam era globalisasi dan digitalisasi ini, pemimpin muda mampu memanfaatkan teknologi sedia ada serta rangkaian sosial untuk mempercepatkan lagi perubahan ekonomi dan persekitaran kepada lebih baik. Kehadiran pemimpin muda membuktikan bahawa golongan belia mampu melaksanakan tugas dengan cekap dan sistematik. Jika kuasa pemimpin digunakan dengan bijak, ia tidak akan jatuh ke tangan yang salah. Namun begitu, menjadi seorang pemimpin muda mempunyai cabaran yang perlu diatasi dan peluang untuk menjadi pemimpin.

Cabaran utama menjadi pemimpin muda, antaranya sukar menukar struktur organisasi. Sebagai contoh organisasi itu masih berpegang dengan hierarki tradisional, sukar untuk pemimpin muda mencadangkan perubahan kerana idea mereka sering ditolak. Ini membuatkan organisasi tersebut ketinggalan daripada perkembangan semasa dan kurang responsif terhadap perubahan zaman. Tambahan pula, pemimpin muda kurang pengalaman dengan membuat keputusan besar; menyebabkan kurang kepercayaan dengan pihak atasan atau orang bawahan.

Walau bagaimanapun, terdapat peluang untuk menjadi pemimpin muda, iaitu mempunyai idea kreatif dan inovasi. Golongan belia lazimnya lebih terdedah kepada teknologi, berfikir di luar kotak dan terbuka. Kelebihan mereka boleh digunakan untuk memperkenalkan cara baru dalam menyelesaikan masalah, terutamanya isu pendidikan, alam sekitar dan pembangunan negara. Selain itu, pemimpin muda lebih rapat dengan golongan belia kerana mereka pernah melalui pengalaman yang sama. Ini membolehkan pemimpin muda membuat keputusan serta memahami perasaan generasi muda dengan lebih mendalam. Keadaan ini menjadikan suara mereka lebih dipercayai oleh golongan belia.

Kesimpulannya, pemimpin muda mempunyai peluang yang luas memimpin dengan idea baru dan semangat serta usaha berterusan, mereka perlu berhadapan dengan cabaran hebat untuk membuktikan kemampuan mereka. Oleh itu, semua pihak harus memberikan sokongan padu dan kepercayaan kepada pemimpin muda untuk melahirkan kepimpinan berkualiti demi mencapai Wawasan Brunei 2035.

**Nama : Muhammad Fateh bin Azman**
**No. K/P : 01-174XXX**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Menjaga Hutan, Menyelamatkan Masa Depan'.** Tarikh Tutup : **1 Oktober 2025**
2. **'Teknologi dan Masa Depan Pendidikan Anak Bangsa'.** Tarikh Tutup : **8 Oktober 2025**
3. **'Membina Masyarakat Penyayang di Era Globalisasi'.** Tarikh Tutup : **15 Oktober 2025**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# JUALAN GLOBAL TOYOTA MENINGKAT 2.2 PERATUS PADA OGOS

**TOKYO**, 30 Sept. - Toyota Motor Corp. berkata Isnin jualan globalnya pada Ogos meningkat 2.2 peratus daripada tahun sebelumnya kepada 844,963 kenderaan, meningkat untuk bulan kelapan berturut-turut berikutan permintaan luar negara yang kukuh dipegang teguh.

Jualan di luar negara meningkat 4.4 peratus daripada tahun sebelumnya kepada 748,694 kenderaan, rekod tertinggi untuk bulan itu, dengan jualan di Amerika Syarikat (AS) meningkat 13.6 peratus kepada 225,367 unit, didorong oleh permintaan kukuh untuk kenderaan hibrid walaupun impak tarif kereta AS yang lebih tinggi, kata pembuat kereta itu.

Sebaliknya, jualan domestik turun 12.1 peratus kepada 96,269 unit, terjejas oleh penghantaran tertunda akibat penggantungan keluaran, tambah Toyota. Sementara itu, pengeluaran global meningkat 4.9 peratus kepada 744,176 unit, melebihi paras tahun sebelumnya untuk bulan ketiga berturut-turut.

Pengeluar kereta itu berkata pengeluaran di AS meningkat 19 peratus kepada 126,081 unit, manakala pengeluaran domestik meningkat 12 peratus kepada 207,990 unit, dibantu oleh lantunan semula berikutan skandal pensijilan tahun lepas. - ©XINHUA




**LOGO pembuat kereta Jepun, Toyota, di Tokyo, Jepun.**

## AI boleh akibatkan jurang gaji gender dalam beberapa sektor meluas

**LONDON**, 30 Sept. - Kecerdasan buatan (AI) berpotensi meluaskan jurang gaji gender dalam beberapa sektor termasuk pembinaan, pembuatan dan tenaga, menurut kajian, lapor PA Media/dpa.

Perunding AI, AINigma, berkata sektor lain seperti logistik, utiliti, ekuiti swasta dan seni kreatif juga mungkin menyaksikan peningkatan perbezaan gaji antara lelaki dan wanita.

Bagaimanapun, jurang itu berpotensi dikecilkan dalam bidang lain termasuk perkhidmatan undang-undang, sektor awam, kewartawanan dan pemasaran, menurut kajian itu.

Ketua Pegawai Eksekutif AINigma, Arne Mosselman berkata : "Secara purata, 20 peratus lebih ramai lelaki menggunakan alat GenAI (kecerdasan buatan generatif) seperti ChatGPT berbanding wanita".

"Ini bermakna terdapat kemungkinan besar GenAI boleh bertindak sebagai pemangkin untuk meningkatkan jurang gaji gender dan bukannya mengurangkannya.

"Dengan 42 peratus pekerja pejabat mengatakan mereka menggunakan GenAI di tempat kerja dan seorang daripada tiga pekerja itu mengaku merahsiakannya, syarikat perlu memberikan hala tuju yang jelas serta kebenaran kepada pekerja berhubung penggunaan AI di tempat kerja, atau berisiko mewujudkan ketidaksamaan gender yang lebih besar pada masa depan," katanya. - ©BERNAMA

## Republik Senegal lapor 7 kematian akibat wabak RVF

**DAKAR**, 29 Sept. - Menteri Kesihatan Republik Senegal Ibrahima Sy pada Ahad mengesahkan bahawa wabak demam Rift Valley (RVF) yang tercetus baru-baru ini di wilayah utara Saint-Louis meragut tujuh nyawa, lapor Xinhua.

Bercakap pada mesyuarat kawalan wabak di Saint-Louis, Sy berkata pihak kesihatan dengan kerjasama jabatan ternakan sedang mempergiat langkah pencegahan dan kawalan bagi membendung penularan penyakit itu.

Wilayah Saint-Louis secara rasmi melaporkan kes pertama RVF pada Khamis lalu.

Ketua pemantauan epidemiologi di Kementerian Kesihatan dan Kebersihan Awam, Boli Diop menjelaskan bahawa RVF ialah penyakit zoonotik yang disebabkan virus RVF.

Pesakit lazimnya mengalami gejala seperti demam, sakit kepala, sakit otot dan keletihan.

Kebanyakan kes adalah ringan, namun kelewatan rawatan boleh membawa kepada komplikasi pendarahan yang mengancam nyawa, katanya.

Diop juga berkata jangkitan manusia biasanya berlaku melalui sentuhan dengan darah atau organ haiwan yang dijangkiti.

Golongan penternak, petani, pekerja rumah sembelih dan doktor haiwan antara yang lebih terdedah kepada virus itu.

Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, penyakit itu berulang kali muncul di Afrika Barat, melibatkan negara termasuk Republik Islam Mauritania, Republik Niger dan Republik Senegal.

Pada masa ini, tiada rawatan antivirus khusus atau vaksin yang diluluskan untuk manusia. - ©BERNAMA

## Cuaca buruk di Republik Filipina jejas lebih 906,000 keluarga, ragut 27 nyawa

**MANILA**, 29 Sept. - Jumlah keluarga yang terjejas akibat monsun barat daya serta siklon tropika Mirasol, Nando (nama antarabangsa Ragasa) dan Opong telah mencecah 906,794, menurut Majlis Pengurusan dan Pengurangan Risiko Bencana Kebangsaan (NDRRMC) pada Isnin.

Menurut Agensi Berita Republik Filipina (PNA), jumlah itu bersamaan dengan 3,402,391 orang yang menetap di 8,087 daerah kecil di 16 wilayah seluruh negara, berdasarkan kemas kini situasi pada 6 pagi oleh agensi tindak balas bencana berkenaan.

Setakat laporan dibuat, seramai 30,265 keluarga ditempatkan di 1,607 pusat pemindahan manakala 84,240 keluarga lagi menerima bantuan di luar pusat pemindahan.

Jumlah kematian yang dilaporkan pula adalah seramai 27 orang, dengan hanya empat disahkan semuanya dari Wilayah Pentadbiran Cordillera.

Baki 23 kematian yang masih dalam proses pengesahan melibatkan sembilan dari Bicol; lapan dari Lembah Cagayan; dua masing-masing dari Luzon Tengah dan Visayas Tengah serta masing-masing satu dari Visayas Timur dan Mimaropa.

Seramai 33 orang dilaporkan cedera 14 daripadanya disahkan, manakala 16 orang lagi dilaporkan hilang.

Kira-kira 16,911 rumah rosak, dengan 14,311 diklasifikasikan sebagai 'rosak sebahagian' dan 2,600 lagi 'rosak sepenuhnya'.

Sementara itu, kerosakan kepada sektor pertanian dan infrastruktur masing-masing dianggarkan berjumlah PHP1.01 bilion dan PHP979.6 juta. - ©BERNAMA

## UNESCO iktiraf kepulauan Raja Ampat Indonesia sebagai rizab biosfera

**JAKARTA**, 30 Sept. - Raja Ampat, sebuah kepulauan terkenal di wilayah Papua Barat, Indonesia diiktiraf sebagai rizab biosfera.

Antara 30 rizab biosfera baharu yang diiktiraf UNESCO, Raja Ampat dianggap sebagai ekosistem marin paling kaya dengan biodiversiti di dunia.

Pengiktirafan ini menandakan satu lagi pencapaian penting selepas Raja Ampat menerima gelaran Geopark Global UNESCO pada 2023, menjadikannya antara lokasi di dunia yang memegang dua gelaran antarabangsa UNESCO secara serentak, lapor Agensi Berita Vietnam (VNA).

Rizab itu meliputi kira-kira 135,000 kilometer persegi dengan lebih 610 pulau dan hanya 34 daripadanya berpenghuni.

Terletak di tengah Segi Tiga Terumbu Karang (Coral Triangle), kawasan itu memiliki ekosistem terumbu karang terkaya di dunia dengan lebih 75 peratus spesies karang, lebih 1,320 spesies ikan terumbu, serta lima spesies penyu laut yang terancam dan jarang ditemui termasuk penyu Hawksbill.

Dengan dua pengiktirafan antarabangsa, Raja Ampat diiktiraf bukan sahaja kerana warisan geologi yang unik, tetapi juga kerana kepelbagaian biologi yang luar biasa.

Menurut UNESCO, rizab biosfera bertindak sebagai "makmal hidup" ketika komuniti, saintis dan kerajaan bekerjasama atas tiga tonggak utama: memulihara biodiversiti dan landskap, mempromosikan pembangunan sosioekonomi lestari serta meningkatkan kefahaman melalui penyelidikan, pendidikan, latihan dan perkongsian ilmu.

Kini, dunia mempunyai lebih 700 Rizab Biosfera di lebih 130 negara, meliputi lebih lima peratus keluasan daratan dan berperanan sebagai model keseimbangan antara pemuliharaan dan penggunaan lestari bagi kira-kira 275 juta penduduk yang tinggal di kawasan itu. - ©BERNAMA

## Republik Rakyat China berjaya lancar 2 satelit ujian baharu

**XICHANG (China)**, 29 Sept. - Republik Rakyat China pada Isnin berjaya melancarkan dua satelit ujian baharu dari Pusat Pelancaran Satelit Xichang di wilayah barat daya Sichuan, lapor Xinhua.

Satelit ujian berkenaan, Shiyan-30 01 dan 02 dilancarkan pada 11 pagi waktu Beijing menggunakan roket pembawa Long March-2D sebelum berjaya memasuki orbit yang ditetapkan.

Menurut laporan, satelit terbabit akan digunakan terutamanya bagi pengesahan eksperimen teknologi pemerhatian bumi.

Pelancaran itu menandakan misi penerbangan ke-598 bagi siri roket Long March. - ©BERNAMA

## Kebakaran berhampiran Lapangan Terbang Haneda Tokyo, penerbangan tidak terjejas

**TOKYO**, 29 Sept. - Sebuah tapak perobohan berhampiran Lapangan Terbang Haneda di Tokyo terbakar pada Isnin, namun insiden itu tidak menjejaskan lalu lintas udara, menurut pasukan bomba tempatan dan Kementerian Pengangkutan.

Menurut Agensi Berita Kyodo, satu panggilan kecemasan yang melaporkan asap hitam dan api di tapak berkenaan di Daerah Ota dibuat sekitar 9.10 pagi.

Pejabat lapangan terbang kementerian itu berkata kebakaran dipercayai bermula di sebuah hangar yang sedang dirobohkan.

Pasukan bomba dan polis berkata tiada kecederaan atau kehilangan nyawa disahkan dalam insiden itu.

Menurut bomba, kebakaran itu hampir dipadamkan sekitar 10.40 pagi. - ©BERNAMA

# KUMPULAN UNITY JUARA KEJOHANAN BADMINTON POWERSMASH



SESI bergambar ramai para pemenang Kejohanan Badminton Beregu Lelaki Kategori Intermediate yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan Menglait.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Muhammad Fairuz Haji Aminuddin

**MENGLAIT**, Isnin, 29 September. - PowerSmash sekali lagi menganjurkan Kejohanan Badminton Beregu Lelaki Kategori Intermediate yang menyaksikan seramai 48 orang pemain bersaing pada kejohanan tersebut, kelmarin.

Kejohanan yang diadakan di Dewan Kompleks Sukan Menglait itu dianjurkan dengan sokongan dan sumbangan daripada Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam, DX Official, SuperSmash, AconKleen / AcarKleen, AR Riyadah Badminton Court, dan perseorangan.

Juara bagi kejohanan tersebut adalah dari Kumpulan Unity iaitu Mohd. Husaini Haji Masri berpasangan dengan Amiral bin Hadi Sham, manakala naib juara pertama ialah dari Kumpulan Barek Peradian 2 iaitu Awang Ali Mustapha bin Haji Abdul Hamid berpasangan dengan Muhd. Zuhar bin Hamir dan naib juara kedua ialah dari Kumpulan FD Team iaitu Awang Hasli bin Othman berpasangan dengan Pengiran Hamdillah bin Pengiran Ahmad.

Antara lain, tujuan kejohanan ini diadakan adalah untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat dan aktif, sekali gus mengeratkan silaturahim serta mengembangkan sukan melalui badminton.

# BFA juara Liga Belia Brunei U15



BRAZILIAN Football Academy (BFA) dinobatkan sebagai juara Liga Belia Brunei Bawah 15 Tahun, 2025.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**JERUDONG**, Isnin, 29 September. - Brazilian Football Academy (BFA) secara rasminya dinobatkan sebagai juara Liga Belia Brunei Bawah 15 Tahun, 2025, selepas menutup kempennya baru-baru ini dengan kemenangan 1 - 0 ke atas DPMM FC yang berlangsung di Jerudong Park Mini Stadium, di sini.

Perlawanan terakhir berkenaan menyaksikan BFA berjaya memecah kebuntuan dengan gol dijaringkan oleh pemain nombor 10, Ameer Abdul Mueez, menerusi sepakan penalti pada minit ke-65.

Sementara, naib juara pula disandang oleh Projek Ikan Pusu Academy, diikuti dengan PKT FT di tempat ketiga.

Di sebalik kejayaan pasukan, dua pemain, Arif Syahmi dari DPMM FC dan Syaqeel Qays dari Kasuka PSIA, berkongsi penghormatan sebagai Penjaring Terbanyak Liga dengan masing-masing menjaringkan 13 gol.

Anugerah Permainan Bersih (Fair Play Award) pula diberikan kepada Shada FT.

Pasukan tersebut dipuji atas semangat kesukanan dan disiplin cemerlang yang ditunjukkan sepanjang kejohanan berlangsung.

Kejohanan yang berlangsung selama 11 minggu berkenaan berjaya menampilkan bakat muda yang memberangsangkan dan diharap dapat terus menjadi pemangkin kepada pembangunan bola sepak muda negara.

# NBD raih 18 pingat di Sukan Borneo Ke-6

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

>> Muka 24

Tambahnya lagi, latihan yang dijalankan kira-kira sebulan ketika pertandingan yang disertainya di Republik Singapura. Semasa dalam pertandingan kali ini, dia memang ada berasa gementar namun dirinya harus berasa tenang dan tetap fokus untuk buat sebaik mungkin.

Meskipun tiga emas telah digenggam, namun beliau merasakan harus memperbaiki dari segi pelbagai teknik sebagai penambahbaikan untuk beraksi dan menjadi lebih baik lagi pada perlawanan yang akan datang.

Sementara itu, pemenang pingat emas bagi Kuak Lentang 50m Lelaki, iaitu Joel Ling Thai Yu juga bersyukur dan berbangga dapat menghadiahkan satu pingat emas buat negara yang setentunya teruja apabila Lagu Kebangsaan NBD berkumandang pada sukan yang berlangsung di Bumi Kenyalang kali ini.

Pingat emas berkenaan katanya menunjukkan satu pencapaian yang bagus dalam strategi renangnya bersama jurulatihnya.

Tambahnya lagi, meskipun dia sudah terdedah dengan pertandingan sukan-sukan di luar negara sebelum ini, akan tetapi impian untuk mencapai pingat emas ini akhirnya tercapai untuk memberikan kemenangan yang begitu bermakna bagi dirinya dengan memecahkan rekod peribadinya, iaitu 27.25 berbanding 27.86 sebelumnya dan sekali gus rekod kebangsaan bagi acara renang.

Beliau merasakan kejayaan yang diciptanya berkenaan memerlukan banyak pengorbanan terutama dari segi masa kerana dalam pada yang sama beliau merupakan seorang pelajar yang harus bijak membahagikan masa di samping mengatur disiplin dan pengurusan masa.

Menurut Joel Ling Thai Yu lagi, pembelajaran adalah diutamakan namun latihan juga dijalankan sejak Julai demi sasaran untuk perlawanan sehingga dapat memperbaiki dari segi teknik kedayatahanan (*endurance*), kelajuan dan juga tendangan di bawah air (*underwater kicks*).

Beliau yang akan memulakan pengajiannya di salah sebuah universiti di Kuala Lumpur, Malaysia bulan hadapan, berharap dapat meneruskan latihan secara efektif agar dapat beraksi lebih baik lagi pada kejohanan akan datang nanti.

Kedua-duanya serta atlet yang lain menzahirkan penghargaan terima kasih atas sokongan yang berterusan buat keluarga dan juga jurulatih yang melatih serta mendidik mereka dalam berkongsi pengetahuan. Tidak dilupakan juga kepada persatuan dan juga Jabatan Belia dan Sukan yang memberi kepercayaan serta membuka ruang dan peluang untuk sama-sama mengetengahkan bakat mereka ke peringkat antarabangsa.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia Ke NBD, Abdul Munir Lutfi Said; Timbalan Pemerintah TUDB, Kolonel (U) Hismawadi bin Haji Mohd. Said; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah dan pegawai-pegawai kanan KKBS, persatuan-persatuan sukan kebangsaan serta para ibu bapa dan penjaga.

# Sukan Borneo 2025 : Dayang Sharmeen raih 2 emas




DAYANG Sharmeen binti Mohammad Mharvin berjaya merangkul dua pingat emas pada Sukan Borneo Ke-6, Tahun 2025.

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Borneo Ke-6

**KUCHING**, Isnin, 29 September. - Atlet Negara Brunei Darussalam, Dayang Sharmeen binti Mohammad Mharvin merangkul dua pingat emas masing-masing dalam Acara Renang 100 meter (m) Kuak Lentang Wanita dan 50m Bebas Wanita di temasya Sukan Borneo Ke-6, Tahun 2025, baru-baru ini.

Pada acara yang berlangsung di Pandelela Rinong Aquatic Centre, Dayang Sharmeen dengan catatan masa 1:08.09 saat mengatasi pesaing dari Sarawak, Shanise Jauwa Anak Joseline Adong dan Liysha Liung Chen Celestine Baru yang merangkul pingat perak dan gangsa.

Sementara itu, dalam Acara Renang 100m Kuak Lentang Lelaki, atlet negara, Joel Ling Thai Yu meraih pingat perak dengan catatan masa 59.40 saat.

Dalam Acara Renang 4x200m Freestyle Relay Lelaki pula, Negara Brunei Darussalam yang diwakili oleh Nur Haziq Samil, Dylan Wong Wei Shen, Danniel Chan Zhi Zhen dan Joel Ling Thai Yu merangkul pingat perak selepas mencatat 8:37.15 saat.

Pada hari terakhir temasya Sukan Borneo Ke-6, Tahun 2025, Negara Brunei Darussalam meraih 18 pingat iaitu empat pingat emas, tujuh pingat perak, tujuh pingat gangsa.

PELITA BRUNEI

# PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

## ACHM FT JUARA KEJOHANAN BOLA SEPAK VETERAN 9 ORANG SEPASUKAN



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Putat semasa sesi bergambar ramai bersama juara Kejohanan Bola Sepak Veteran 9 Orang Sepasukan Mukim Zon 2 Kampong Ayer.

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Ihsan Majlis Perundingan Mukim Zon 2 Kampong Ayer**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 29 September. - Pusingan akhir Kejohanan Bola Sepak Veteran 9 Orang Sepasukan Mukim Zon 2 Kampong Ayer menyaksikan ACHM FT dan Seri Wira berentap begitu sengit dengan kedudukan gol 1 – 1 sehingga mengheret ke pusingan penalti.

Perlawanan yang berlangsung di Padang Kompleks Sukan Sungai Kebun akhirnya berpihak kepada ACHM FT sekali gus menjulang juara setelah menang 3 - 0 ke atas Seri Wira.

Juara membawa pulang wang tunai BND400 dan piala, manakala naib juara pula menerima wang tunai sebanyak BND300 dan piala serta barangan asasi.

Sementara AKSE Bersatu 'C' dan Menengah FT, masing-masing menduduki tempat ketiga bersama dengan masing-masing menerima piala dan wang tunai BND200 serta barangan asasi.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

Sebanyak 12 pasukan menyertai kejohanan anjuran bersama Majlis Perundingan Mukim (MPM) Zon 2 Kampong Ayer dan AKSE Bersatu dengan sokongan Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) bagi Tahun 2025.

Juga hadir, Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid selaku Pengerusi Kejohanan; Penasihat MPM Zon 2 Kampong Ayer, Pengarah Awang Mohamed Hazreen bin Pateh Dato Paduka Haji Masri; Pemangku-pemangku Ketua Kampung Zon Kampung Ayer; dan Awang Mohamad Hasanhamuny bin Bakar wakil dari JDBM.

Awang Raimi semasa ditemu bual mezahirkan penghargaan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir dan memberi sokongan dalam menjayakan kejohanan berkenaan terutama sekali Ahli Jawatankuasa yang terlibat dari MPM Zon 2 Kampong Ayer dan AKSE Bersatu dalam memberikan kerjasama yang padu dalam kejohanan berkenaan.

"Tidak lupa jua diucapkan ribuan terima kasih kepada JDBM dalam memberikan sokongan pada kejohanan ini dan pihak Kompleks Sukan Sungai Kebun serta mana-mana pihak yang terlibat terutama sekali penaja-penaja dalam kejohanan ini," ujarnya lagi.

Matlamat utama kejohanan antara lain bagi mengeratkan ukhuwah sesama ahli-ahli veteran sama ada dari Kampung Menengah, Temburong dan kampung lain selain menjadikan aktiviti sukan bola sepak sebagai gaya hidup yang sihat.

## NBD raih 18 pingat di Sukan Borneo Ke-6



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir menyambut kepulangan Kontinjen Negara Brunei Darussalam di Pusat Pergerakan Udara, Pangkalan Tentera Udara Brunei (atas). Manakala gambar-gambar di bawah, Joel Ling Thai Yu dan Dayang Sharmeen binti Mohammad Mharvin semasa ditemu bual.



**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.**

**RIMBA**, Isnin, 29 September. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) telah berjaya meraih empat pingat emas, tujuh pingat perak dan tujuh pingat gangsa pada temasya Sukan Borneo Ke-6, 2025 di Kuching, Sarawak.

Pingat emas negara diperoleh daripada akuatik renang di Pusat Akuatik Pandelela Rinong, Kompleks Sukan Petra Jaya yang begitu menonjol terutama sekali menerusi Dayang Sharmeen binti Mohammad Mharvin dengan mengutip tiga pingat emas, manakala Joel Ling Thai Yu pula dengan satu pingat emas buat negara.

Hadir menyambut kepulangan kontinjen di Pusat Pergerakan Udara, Pangkalan Tentera Udara Brunei, di sini, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan serta pegawai-pegawai dari kementerian berkenaan.

Pengiran Haji Mohd. Hasnan menzahirkan penghargaan jutaan terima kasih atas semangat juang dan juga dedikasi kontinjen termasuk para atlet yang mengharumkan nama negara dengan kejayaan yang diukir pada temasya sukan kali ini dan diharap kejayaan yang digapai berkenaan menjadi suntikan semangat kepada atlet lain terutama sekali kepada atlet muda.

Selain itu tambahnya, kepada yang tidak berjaya agar tidak putus asa malah jadikan pengalaman yang diperoleh berkenaan sebagai motivasi ke arah mempertingkatkan lagi prestasi pada masa akan datang.

Pengiran Haji Mohd. Hasnan juga mengucapkan terima kasih kepada Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) kerana membawa pergi dan pulang kontinjen dengan selamat.

Sementara itu, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual jaguh perenang negara yang berjaya mencipta nama pada Sukan Borneo Ke-6, iaitu Dayang Sharmeen yang beraksi cemerlang sehingga menggenggam tiga pingat emas melalui Kategori Kuak Lentang Wanita bagi 50 meter (m), 100m dan 200m serta Gaya Bebas 50m.

Menurutnya, pencapaian yang diraih setentunya buatnya bersyukur dan gembira kerana ia merupakan satu hasil dan bukti kejayaan daripada usaha dan kerja kerasnya dalam menjalani latihan selama ini lebih-lebih lagi detik pertama kali menjulang emas mengharumkan NBD di luar negara.

Dayang Sharmeen seterusnya berkata, rekod peribadi yang dicatatkannya juga yang terbaik dihasilkan dalam penyertaannya dalam empat kategori yang dipertandingkan pada temasya sukan berkenaan.

>> Muka 23

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERBUATAN BULI BOLEH MEROSAKKAN KESIHATAN MENTAL SESEORANG